



اَوْنِيُوْ سِيْتِيْ تِيْكَوْ لُوْ كِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

JABATAN BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERAK

DESEMBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Amali ini disediakan

Oleh

NORAIDA BINTI ABDULLAH

2007105597

Bertajuk

Pengurusan Buruh Di Tapak Bina

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma
Bangunan.

Penyelia Laporan

NURUL HUDA BT ABDUL HAQI

Koordinator Latihan Amali

MOHD HAQQAL BIN RAMLI

Koordinator Program

JABATAN BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERAK

DESEMBER 2009

PERAKUAN PELAJAR

Adalah dengan ini, hasil kerja penulisan Laporan Latihan Praktikal ini telah dihasilkan sepenuhnya oleh saya kecuali seperti yang dinyatakan melalui latihan praktikal yang telah saya lalui selama 6 bulan mulai 1 disember 2009 hingga 30 mei 2010 di Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd. Iaya juga sebagai satu syarat lulus kursus BLD 299 dan diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Nama : NORAIDA BINTI ABDULLAH

No KP UiTM : 2007105597

Tarikh :

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat juga saya menyiapkan laporan latihan praktikal ini dengan jayanya. Pertama sekali jutaan terima kasih diucapkan khas kepada En Musa bin Mohd Noor selaku Pengarah Urusan Syarikat, En Nor Azuan bin Abdullah selaku Pengurus Projek Pembinaan di atas bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar beliau dalam membantu saya sepanjang saya menjalani latihan praktikal di syarikat beliau. Segala jasa yang diberikan oleh beliau tidak akan saya lupakan. Terima kasih juga kepada penyelia-penyelia tapak projek yang banyak membantu dan member tunjuk ajar di sepanjang saya berada di tapak projek. Pengetahuan dan pengalaman yang dicurahkan adalah amat berharga buat saya dan akan digunakan sebaik mungkin dalam bidang pekerjaan nanti. Tidak dilupakan juga kepada En Mohd Haiqal bin Ramli selaku Koordinator Latihan Praktikal, Pn Wan NorDiana Wan Ali selaku pensyarah pelawat, Cik Nurul Huda Abdul Hadi selaku penyelia pelajar, kedua-dua ibu bapa saya serta teman-teman seperjuangan yang banyak memberi sokongan moral dalam menyiapkan tugas ini. Semoga Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas jasa dan pengorbanan mereka.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Laporan ini secara ringkasnya menerangkan mengenai pengurusan buruh di tapak bina. Laporan latihan praktikal ini dihasilkan berpandukan kepada pengalaman yang telah diperolehi selama 6 bulan menjalani latihan praktikal di Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd. Laporan ini terbahagi kepada beberapa bahagian dan dimulakan dengan latar belakang syarikat serta latar belakang projek pembinaan. Jenis pembinaan yang dijalankan ialah pembinaan bangunan tambahan di Sekolah Kebangsaan Telaga Ara. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk memahami kerja-kerja sebenar yang berlaku di tapak pembinaan di mana pengurusan buruh menjadi pilihan utama untuk dibincangkan di dalam laporan ini. Di dalam laporan ini ada menerangkan secara ringkas mengenai definisi pengurusan buruh di tapak bina dan diikuti dengan pengelasan buruh di tapak bina. Kemudian diterangkan bagaimana cara-cara pengendalian dan pengambilan buruh di tapak bina yang merangkumi aspek-aspek keselamatan di tapak bina, kebajikan buruh dan sebagainya. Di dalam laporan ini juga dinyatakan masalah-masalah serta cadangan untuk mengatasi masalah pengurusan buruh di tapak bina. Laporan ini juga mengandungi gambarfoto, jadual, lampiran serta gambarajah untuk memudahkan pemahaman berkaitan dengan topik laporan ini. Kesimpulannya, diharapkan laporan ini dapat menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai pengurusan buruh di tapak bina secara praktikalnya.

**ISI KANDUNGAN
SURAT**

MUKA

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Gambarfoto	ix
Senarai Singkat Kata	xi

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pemilihan Tajuk Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Skop Kajian	4
1.5 Kaedah Kajian	5

BAB 2.0 LATAR BELAKANG SYARIKAT

2.1 Pengenalan	7
2.2 Sejarah Penubuhan Syarikat	9
2.3 Objektif Syarikat	10
2.3.1 Visi Syarikat	10
2.4 Carta Organisasi	11
2.5 Senarai Projek yang Telah Siap	12

BAB 3.0	PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA	
3.1	Pengenalan	15
3.2	Pengenalan Kepada Pengurusan	17
3.2.1	Pengurusan di dalam Organisasi	19
3.3	Pengenalan Kepada Buruh	21
3.3.1	Pengurusan Buruh	22
3.3.2	Masalah Buruh	23
3.4	Keselamatan Buruh di Tapak Bina	25
BAB 4.0	PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA	
4.1	Pengenalan	28
4.2	Tugas-tugas Buruh di Tapak Bina	
4.2.1	Tukang Konkrit	29
4.2.2	Tukang Besi	31
4.2.3	Tukang Bata	33
4.2.4	Tukang Lepa	35
4.2.5	Tukang Kayu	37
4.2.6	Tukang Paip	39
4.2.7	Tukang Jubin	40
4.3	Pengendalian Buruh di Tapak Bina	42
4.4	Proses Pengambilan Buruh	42
4.5	Penamatan Kontrak Buruh	45
4.6	Jadual Kerja Buruh	
4.6.1	Hari dan Waktu Bekerja Buruh	46
4.6.2	Cuti Sakit	46
4.7	Kaedah Pembayaran Gaji Buruh	47
4.8	Keselamatan & Kesihatan Buruh di Tapak Bina	48
4.8.1	Dasar Keselamatan & Kesihatan Syarikat	50
4.9	Kebajikan Buruh di Tapak Bina	51

4.10	Undang-undang Berkaitan Dengan Kebajikan Buruh	
4.10.1	Akta Kerja 1995	52
4.10.2	Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerja 1994	53
4.10.3	Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969	53
4.10.4	Akta Kumpulan Simpanan Wang Pekerja 1991	54
BAB 5.0	MASALAH KAJIAN DAN CARA MENGATASI	
5.1	Pengenalan	55
5.2	Masalah Kajian	
5.2.1	Masalah Permit Buruh	56
5.2.2	Masalah Buruh dengan Majikan	57
5.2.3	Masalah Buruh dengan Buruh	58
5.2.4	Keengganan Buruh Mematuhi Peraturan Keselamatan	59
5.2.5	Kurang Daya Tumpuan Terhadap Kerja	60
5.3	Cara Mengatasi	
5.3.1	Menggunakan Sistem Penjadualan Buruh & Pembahagian Penggunaan Buruh	61
5.3.2	Mengambil Berat Masalah Buruh	63
5.3.3	Menaikkan Gaji Buruh	63
5.3.4	Mengekalkan Perkhidmatan Buruh	64
5.3.5	Menyediakan Latihan Tambahan	64
5.4	Cadangan	
5.4.1	Kerjasama Antara Semua Pihak	65
5.4.2	Mengadakan Kempen Kesedaran	65
5.4.3	Mengenakan Hukuman kepada Buruh yang Melanggari Peraturan Keselamatan	66

BAB 6.0 KESIMPULAN

67

SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Senarai Projek yang Telah Siap	12
------------	--------------------------------	----

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Carta Organisasi Syarikat	11
Rajah 3.1	Elemen Pengurusan Projek Pembinaan	16
Rajah 3.2	Hierarki Pengurusan	19
Rajah 3.3	Menunjukkan Kemalangan Yang Melibatkan Jentera Cerucuk Hidraulik	26
Rajah 3.4	Menunjukkan Kemalangan Yang Melibatkan Kren Bergerak	27
Rajah 4.1	Menunjukkan Proses Pengambilan Buruh Asing	44
Rajah 5.1	Pembahagian Tenaga Kerja Mahir	62

SENARAI GAMBARFOTO

Gambarfoto 4.1	Menunjukkan kerja-kerja pembancuhan simen	29
Gambarfoto 4.2	Menunjukkan kerja-kerja ujian kiub	30
Gambarfoto 4.3	Menunjukkan kerja-kerja konkrit pada slab dan beam	30
Gambarfoto 4.4	Menunjukkan kerja-kerja pemotongan besi	31
Gambarfoto 4.5	Menunjukkan kerja-kerja membengkokkan besi	32
Gambarfoto 4.6	Menunjukkan kerja-kerja mengikat besi pada tiang (column)	32
Gambarfoto 4.7	Menunjukkan kerja-kerja memecahkan bata	33
Gambarfoto 4.8	Menunjukkan kerja-kerja mengikat bata	34
Gambarfoto 4.9	Menunjukkan kerja-kerja melepai pada dinding	35
Gambarfoto 4.10	Menunjukkan kerja-kerja melepai pada siling	36
Gambarfoto 4.11	Menunjukkan kerja-kerja membuat formwork	37
Gambarfoto 4.12	Menunjukkan kerja-kerja penanggalan formwork pada beam dan slab	38
Gambarfoto 4.13	Menunjukkan kerja-kerja memasang mangkuk tandas	39
Gambarfoto 4.14	Menunjukkan kerja-kerja memotong jubin	40

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Gambarfoto 4.15	Menunjukkan kerja-kerja memasang jubin dalam tandas	41
Gambarfoto 4.16	Menunjukkan papan tanda amaran pembangunan sedang dijalankan	49
Gambarfoto 4.17	Menunjukkan pagar keselamatan yang terdapat di tapak bina	49
Gambarfoto 5.1	Menunjukkan buruh yang tidak mematuhi peraturan keselamatan di tapak	59

SENARAI SINGKAT KATA

SPTRSB	Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd
SPTT	Syarikat Permata Timur Trading
AADK	Pembangunan Pusat Latihan Agensi Anti Dadah Kebangsaan
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan
OSHA	Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerja 1994
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Industri pembinaan merupakan salah sebuah sektor yang memerlukan pengambilan buruh bagi memenuhi kerja-kerja pembinaan di tapak bina. Buruh pada dasarnya adalah manusia yang menggunakan tenaga dan kemampuannya untuk mendapatkan pendapatan bagi menyara keluarga mereka di kampung. Secara umumnya buruh terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu buruh mahir, buruh separa mahir dan juga buruh tidak mahir. Buruh mahir ialah pekerja yang telah mahir dalam bidang-bidang tertentu dan bekerja tanpa perlu diawasi. Manakala buruh separa mahir merupakan pekerja yang mendapat kemahiran dalam bidang tertentu tetapi tidak mempunyai pengalaman di tapak pembinaan. Buruh ini menjalankan kerja-kerja khusus dan perlu dibimbing. Seterusnya buruh tidak mahir pula ialah buruh yang tidak mempunyai sebarang kepakaran khusus dalam melakukan kerja pembinaan. Buruh ini hanya bergantung kepada arahan dan perlu sentiasa diawasi oleh ketua di tapak bina.

Selain itu, kemampuan buruh dari segi kesihatan juga diambil kira semasa proses pengambilan buruh. Ini kerana jika buruh yang mempunyai kesihatan yang tidak memuaskan, maka prestasi kerja mereka akan terganggu. Jadi, seorang kontraktor perlu mempunyai kemahiran untuk mengendalikan buruh yang mempunyai pelbagai ragam. Justeru itu, buruh memainkan peranan yang sangat penting dalam industri pembinaan kerana tanpanya pembinaan tidak dapat dijalankan dengan lancar. Tambahan pula, industri pembinaan pada masa kini telah didominasi oleh buruh asing yang terdiri daripada Negara Indonesia, Bangladesh dan juga Thailand.

1.2 PEMILIHAN TAJUK KAJIAN

Laporan yang dihasilkan ini bertajuk ‘Pengurusan Buruh di Tapak Bina’. Tajuk ini dipilih kerana ia merupakan salah satu faktor yang terpenting dalam pengurusan sesuatu projek pembinaan. Tambahan pula, buruh merupakan pekerja yang mempunyai banyak masalah. Masalah buruh timbul daripada pelbagai aspek antaranya dari segi keewangan dan juga kekeluargaan. Justeru, masalah yang dialami oleh buruh ini akan mengganggu prestasi kerja mereka dan menyebabkan mereka kurang berminat untuk bekerja. Oleh itu, masalah tersebut perlu diselesaikan dengan segera dan berkesan. Pengurusan buruh yang baik dan berkesan adalah penting bagi memastikan ia tidak mengganggu perjalanan sesuatu projek yang telah dijalankan. Pengurusan buruh ini perlu diberi perhatian secara khusus oleh pihak pentadbir syarikat dengan memberikan taklimat secara ringkas berkenaan dengan peraturan-peraturan syarikat, pengurusan passport serta permit bagi buruh yang datang dari negara luar.

Selain itu, pihak syarikat juga perlu mempunyai maklumat-maklumat mengenai buruh asing secara terperinci daripada syarikat agen buruh sekiranya berlaku masalah-masalah yang berkaitan dengan buruh. Pihak syarikat juga perlu menyediakan penempatan buruh di tapak bina yang berkaitan serta perlu memberikan alat-alat keselamatan bagi seseorang pekerja binaan untuk memulakan kerja binaan. Sebagai contoh, topi keselamatan yang disahkan oleh SIRIM, kasut dan lain-lain. Tambahan pula, secara keseluruhan, buruh yang digunakan oleh Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd adalah buruh asing yang terdiri daripada Negara Indonesia.

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Secara keseluruhannya, prosedur yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh pihak syarikat bagi menjamin pengesahan pengambilan buruh asing dikendalikan oleh syarikat agen buruh dan hanya penyimpanan passport, penyambungan permit dan pengurusan buruh untuk pulang ke negara asal dikendalikan oleh pihak Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd.

Seterusnya, keselamatan buruh di tapak bina juga perlu dititikberatkan terutamanya oleh ketua di tapak binaan masing-masing. Ini kerana, keselamatan buruh semasa berada di tapak bina adalah sangat penting untuk diambil perhatian. Faktor ini penting kerana pihak buruh mempunyai hak mereka tersendiri sebagai seorang pekerja binaan. Selain itu, kebajikan dan undang-undang di tapak bina juga penting untuk dipatuhi. Kebajikan buruh perlu dijaga oleh pihak majikan seperti yang terkandung dalam syarat-syarat pengambilan buruh asing yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Maka dengan itu, sebarang masalah yang timbul dapat diatasi dengan segera tanpa mengganggu proses pembinaan sesuatu projek yang dijalankan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan buruh di tapak bina dengan memberi tumpuan mengenai prosedur-prosedur pengurusan atau pengambilan buruh asing.
2. Untuk mengenalpasti undang-undang yang terlibat di dalam pengurusan buruh.
3. Untuk mengenalpasti masalah yang sering berlaku di tapak bina dan bagaimana cara untuk mengatasinya.

1.4 SKOP KAJIAN

Laporan yang dihasilkan ini berdasarkan peninjauan di tapak bina dan juga maklumat-maklumat di pejabat pengurusan. Kedua-dua komponen ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menjalankan proses pengurusan buruh di tapak bina. Di tapak bina, buruh menjalankan kerja-kerjanya seperti melakukan aktiviti pembinaan, mematuhi arahan-arahan daripada ketua tapak binaan dan juga peraturan-peraturan syarikat yang telah ditetapkan. Manakala di pejabat pula, pihak pengurusan menjalankan kerja-kerja pengurusan buruh. Sebagai contoh, penempatan pekerja-pekerja buruh baru, penyimpanan passport, penyambungan permit bagi pekerja-pekerja buruh lama dan pengurusan penghantaran buruh asing balik ke negara asal mereka. Selain itu, pihak pengurusan juga bertanggungjawab menguruskan pembayaran gaji buruh, menyediakan kebajikan buruh, memastikan keselamatan buruh berada di tahap yang memuaskan serta menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan buruh dan sebagainya. Manakala jabatan yang khususnya terlibat secara langsung dalam pengurusan buruh ialah jabatan sistem kualiti, dan jabatan di tapak binaan masing-masing.

1.5 KAEDAH KAJIAN

Kaedah utama yang di gunakan dalam kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah temuramah. Temuramah ini diadakan di antara individu yang bertanggungjawab terhadap tapak projek pembinaan Sekolah Kebangsaan Telaga Ara di bawah Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd iaitu Encik Nor Azuan Bin Abdullah selaku jurutera syarikat. Melalui sesi temuramah ini, beberapa perkara telah dikenalpasti dengan lebih terperinci, antaranya faktor-faktor yang mempengaruhi pengambilan buruh asing, prosedur-prosedur pengambilan buruh asing, faktor-faktor yang menyebabkan buruh asing bekerja di negara kita, kesan pengambilan buruh asing terhadap kos dan kualiti serta masalah yang timbul disebabkan oleh buruh asing.

Kaedah kedua yang digunakan dalam kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah rujukan dan juga kedah pemerhatian di tapak bina. Kaedah rujukan diperolehi melalui buku-buku rujukan dan di dalam internet. Melalui kaedah ini beberapa perkara telah dikenalpasti dengan lebih lanjut lagi seperti pengurusan buruh di tapak bina, akta-akta buruh, undang-undang buruh dan sebagainya. Manakala melalui kaedah pemerhatian di tapak bina pula ialah dengan mengambil gambar mengenai tugas-tugas buruh di tapak bina serta mengambil keterangan dari penyelia tapak itu sendiri. Secara tidak langsung maklumat-maklumat tersebut dapat digunakan untuk menyiapkan laporan praktikal ini dengan jayanya.

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Hasil daripada temuramah, rujukan dan pemerhatian di tapak bina, didapati beberapa elemen berperanan mempengaruhi pengambilan buruh asing seperti negara asal, tahap kemahiran dan kumpulan umur. Pengambilan buruh asing juga didapati mempengaruhi kos buruh bagi sesebuah projek pembinaan. Ini kerana buruh asing biasanya tidak mempersoalkan gaji yang mereka terima daripada pihak majikan. Justeru itu, mendapati bahawa tiada kaitan antara kualiti pembinaan dengan buruh asing atau buruh tempatan, tetapi ianya lebih berkaitan dengan tahap kemahiran buruh tersebut samada buruh mahir, separa mahir dan tidak mahir. Selain itu juga, masalah-masalah yang disebabkan oleh buruh asing pula didapati tidaklah begitu membimbangkan dan terkawal.

BAB 2

LATAR BELAKANG SYARIKAT

2.1 PENGENALAN

Berdasarkan maklumat-maklumat bertulis dan lisan yang telah diperolehi daripada pihak syarikat, Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd (SPTRSB) telah ditubuhkan di Malaysia untuk bergiat secara aktif dalam industri pembinaan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi untuk pembangunan ekonomi negara bagi merealisasikan wawasan 2020 sebagai sebuah negara yang maju dan harmoni. SPTRSB telah didaftarkan di PT 1257-A, Jalan Guchil Bayam, Telok Bharu, 15200 Kota Bharu, Kelantan. SPTRSB juga mempunyai cawangan di Kuala Lumpur dan juga di Johor. Syarikat ini menumpukan sepenuhnya kepada aktiviti pembinaan seperti sekolah, masjid, banglo, rumah pasang siap dan banyak lagi.

Sehingga kini syarikat ini masih giat merancang untuk menjalankan projek-projek baru bagi bersaing dengan pihak-pihak yang lain. Bagi mencapai matlamat ini pihak pengurusan SPTRSB telah meletakkan keselesaan dan kesempurnaan dalam projek pembangunan sebagai satu tanggungjawab yang mesti dipenuhi. Pihak SPTRSB juga amat mementingkan kepuasan kepada pelanggan dalam setiap aspek termasuk layanan dan kualiti pembinaan. Setiap syarikat yang ditubuhkan mempunyai organisasi yang dibentuk untuk mentadbir dan menggerakkan syarikat agar syarikat yang ditubuhkan dapat mendatangkan hasil kepada pemilik dan juga kakitangan.

Sejarah penubuhan sesuatu syarikat juga amat penting untuk diketahui oleh semua kakitangan agar ia dapat menjamin kesinambungan dan kewujudannya. Tanpa pengurusan yang cekap dan mantap, sesebuah syarikat itu tidak akan berdaya untuk maju apatah lagi untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat sekeliling. Peristiwa-peristiwa penting yang membawa kepada penubuhan dan kemajuan syarikat juga perlu diketengahkan kepada semua kakitangan kerana mereka seharusnya mengetahui asal usul syarikat di mana mereka berkerja agar mereka mampu memberi sumbangan kepada syarikat.

Justeru itu, semasa praktikal di syarikat tersebut, banyak pengalaman yang berkaitan dengan industri pembinaan telah diperolehi. Antaranya ialah diberi peluang untuk mengisi borang tender dan sebut harga untuk projek Pembangunan Pusat Latihan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), melawat tapak projek bagi pembinaan Sekolah Kebangsaan Telaga Ara, membuat pesanan bahan-bahan pembinaan seperti pasir, simen, dan sebagainya, tandatangan bil penghantaran bahan-bahan binaan serta kerja-kerja yang diarahkan oleh penyelia tapak.

2.2 SEJARAH PENUBUHAN SYARIKAT

Permata Timur Resources Sdn Bhd dahulunya dikenali sebagai Permata Timur Trading (PTT) bermula pada awal tahun 2005 telah diperbadankan pada 14 Mac 2007 sebagai sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh bumiputera yang berdaya maju. Bermula sebagai sebuah syarikat pembinaan berdaftar dalam kelas D pada awal penubuhannya kini, SPTRSB telah mengorak langkah pada tahun 2007 sebagai syarikat berdaftar di dalam kelas A dengan pusat khidmat kontraktor dan gred G7 dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. SPTRSB menjalankan aktiviti dalam bidang pembinaan dan pembangunan infrastruktur secara menyeluruh sepanjang beroperasi. Berbekalkan keazaman dan kesungguhan SPTRSB terus bersaing dalam industri pembinaan pada masa akan datang.

SPTRSB juga mempunyai cawangan di Kuala Lumpur yang beralamat di 118 M, Jalan SBC 3, Taman Sri Batu Caves, 68100 Batu Caves Selangor dan di Johor yang beralamat di Tingkat 1.1A Bangunan Perbadanan Islam Johor, Jalan Rebana, Kebun Teh, 80250 Johor Bharu. Permata Timur Resources Sdn Bhd juga telah berjaya dan dianugerahkan sijil pada 18 Mei 2009 di bawah kawalan ISO 9001: 2008 untuk skop peruntukan bagi syarat-syarat dalam pengurusan reka bentuk, pengurusan projek dan penyeliaan kerja-kerja pembinaan. Syarikat ini kini mewujudkan satu polisi kualiti sebagai niat, tujuan dan nilai-nilai syarikat. Polisi ini disampaikan ke pelusuk organisasi untuk memastikan ianya difahami, dilaksanakan, dan disenggara di setiap peringkat dalam syarikat.

2.3 OBJEKTIF SYARIKAT

Permata Timur Resources Sdn Bhd komited untuk:


- i. Memenuhi kehendak kontrak, menyiapkan projek dengan kualiti yang memuaskan dan siap dalam masa yang di tentukan.
- ii. Memastikan keselamatan dan kesihatan kakitangan di tapak bina serta memenuhi kehendak perundangan.
- iii. Menyediakan kakitangan yang berpengalaman dan mahir dalam bidang yang di perlukan.

2.3.1 VISI

Visi Permata Timur Resources Sdn Bhd adalah untuk menjadi syarikat pembinaan yang mempunyai reputasi yang cemerlang.

2.4 CARTA ORGANISASI

Rajah 2.1 : Carta organisasi syarikat



Sumber : Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd

2.5 SENARAI PROJEK YANG TELAH SIAP

Jadual 2.1 : Senarai projek yang telah siap

TAJUK KERJA	JABATAN AGENSI	HARGA KONTRAK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
Kerja-kerja Pengubahsuaian Hiasan Dalaman Bagi Bilik Rehat Dan Dewan Makan Mes Pegawai Kem 8 Briged Pengkalan Chepa Kota Bharu Kelantan	KEMENTAH	189,000.00	20 FEB 2005	4 APRIL 2005
Kerja-kerja Membaikpulih Sistem Paip Air Di 6 Blok Kem 16 RAMD Kem Desa Pahlawan Kota Bharu	KEMENTAH	95,000.00	15 MEI 2005	5 JULAI 2005
Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan 1 Unit Banglo 2 Tingkat Terbengkalai Di Wakaf Bharu Tumpat Kelantan	BCBB	152, 000.00	7 OGOS 2005	15 OKT 2005
Kerja-kerja Menyiapkan 6 Unit Banglo Setingkat Secara Berperingkat Di Mukim Hutan Kweng Daerah Machang Kelantan	BCBB	600,000.00	4 OKT 2005	15 APRIL 2006
Membina Dan Menyiapkan 100 Unit Rumah Pasang Siap Di Penempatan Transit Kg Panji Kota Bharu Kelantan- Upah Buruh	JKR	1,325 000.00	30 APRIL 06	30 DIS 2007

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Kerja Pemasangan Sistem Mekanikal Dan Sistem Cegah Kebakaran Di Penempatan Transit Kg Panji Kota Bharu Kelantan	JKR	750,000.00	30 APR 06	30 DIS 07
Kerja Menghampar Dan Memampatkan Crusher Run Di Kg Bukit Berair Kuala Gris Dabong Kuala Krai Kelantan	JPP	150,000.00	15 OGOS 06	22 OGOS 06
Kerja Membina Dan Menyiapkan Longkang Saliran Rumah Pasang Siap Di Penempatan Transit Kg Panji Kelantan	JKR	85,000.00	30 NOV 06	30 FEB 07
Membina Dan Menyiapkan Masjid Kota Darulnaim Kota Bharu Kelantan	JKR	899,880.00	17 DIS 06	30 JUN 07
Membina Bangunan Dewan Makan Bagi Projek MRSM Tumpat, Kelantan	TECHART MARA SDN BHD	150,000.00	8 APRIL 07	8 OGOS 07
Membina Dan Menyiapkan 10 Unit Rumah Kedai 3 Tingkat, Lot 402-411, Machang West Kok Lanas, Kelantan	NAZIHA HOLDING S/B	1,000000.00	7 JULAI 06	7 MEI 07
Kerja-kerja Membaiki Pagar di Stesen Janaelektrik Sultan Ismail, Paka, Terengganu Darul Iman	TENAGA NASIONAL BERHAD	500,000.00	3 MEI 07	3 OGOS 07
Kerja Menstabil Tebing Sg Golok Di Kg Kubang Sawa Tumpat Kelantan	JPS	1,200000.00	5 OGOS 07	25 NOV 07

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Membina Dan Menyiapkan Blok Asrama Lelaki Bagi Projek MRSM Tumpat, Kelantan	TECHART MARA SDN.BHD	660,000.00	20 JULAI 07	20 DIS 08
Menaiktaraf Kawasan Peranginan Gunung Reng Jeli Kelantan	KEM PELANCONGAN MALAYSIA	598,000.00	20 DIS 07	30 JULAI 08
Membina Dan Menyiapkan Bangunan Tambahan Sk Kg Besut Setiu Terengganu	JKR TERENGGANU	4,569000.00	27 JULAI 07	27 JAN 09
Membina dan Menyiapkan 1 Blok Bangunan Tambahan, Kantin Serta Kerja Berkaitan Sk Kandis Bachok Kelantan	JKR KELANTAN	551,280.00	20 APRIL 09	SEKARANG

Sumber : Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd


BAB 3

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

3.1 PENGENALAN

Setiap organisasi syarikat mempunyai matlamat yang tersendiri bagi mencapai objektif mereka pada tahap kejayaan yang lebih tinggi. Biasanya Pengurus Syarikat itu sendiri bertanggungjawab untuk menentukan kedudukan syarikat di tahap yang memuaskan iaitu berada seiring dengan syarikat-syarikat yang lain. Selain itu, mereka juga perlu menyusun sistem pengurusan yang lebih cekap terutamanya dalam pengurusan projek yang melibatkan bidang pembinaan. Di dalam pengurusan projek di tapak bina terdapat empat elemen pengurusan utama yang perlu dititikberatkan iaitu pengurusan buruh, pengurusan bahan-bahan binaan, pengurusan jentera dan pengurusan keewangan. Keempat-empat elemen pengurusan ini adalah memainkan peranan yang lebih penting dan perlu diuruskan dengan lebih cekap supaya tidak terdapat sebarang masalah yang akan timbul semasa aktiviti pembinaan dimulakan. Hal ini juga adalah bagi memastikan kelicinan sesebuah projek mengikut masa dan perancangan yang telah ditetapkan. Di dalam kajian ini adalah difokuskan khas kepada pengurusan buruh di tapak bina.

Rajah 3.1 : Elemen Pengurusan Projek Pembinaan



Sumber : (Nunnally S.W, 1980)

3.2 PENGENALAN KEPADA PENGURUSAN

Pengurusan bermaksud melaksanakan sesuatu melalui manusia. Pengurusan adalah satu proses sosial yang dibentuk, disusun untuk mewujudkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli-ahli dalam sesebuah organisasi untuk mencapai sesuatu objektif atau matlamat yang telah ditetapkan dengan lebih berkesan. Pengurusan juga bertujuan untuk mengawal jentera dan wang bagi menyiapkan segala kerja yang dijalankan mengikut masa yang ditetapkan tanpa mengalami kos yang berlebihan dimana ia juga merangkumi proses perancangan, mengawal, dan mengarah untuk menggunakan sumber dengan cara yang betul (Rensis Likert dan Gulick, 1961).

Terdapat banyak pandangan dan pendapat tentang definisi pengurusan yang telah dirumuskan oleh pelbagai pihak. Antaranya ialah pengurusan adalah satu fungsi yang sama dengan pentadbir yang mana meliputi aktiviti-aktiviti merancang, menghimpun, dan menganalisis, mengawal dan menyebarkan maklumat-maklumat dalam usaha mencapai objektif yang telah ditetapkan (Boles dan Davenport, 1976). Selain itu, pengurusan juga didefinisikan sebagai satu peranan dimana kerja-kerja diagihkan kepada pembantu-pembantu dan pengurus serta pentadbir bagi memastikan hasil kerja yang dibuat berkesan (Wilfird Brown, 1972). Seterusnya, pengurusan juga dapat ditafsirkan sebagai suatu proses yang dilalui oleh satu atau lebih individu untuk menyelaraskan aktiviti orang lain bagi mencapai kepuasan yang tidak boleh dicapai oleh seorang individu yang bertindak secara berseorangan (Donnelly Gibson and Ironcovich, 1980)


PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Secara keseluruhan, pengurusan adalah satu bidang yang luas merangkumi bidang-bidang sains sosial seperti sosiologi, antropologi, sains politik, ekonomi, dan juga psikologi. Kemahiran di dalam pengurusan bukan sahaja diperoleh melalui bacaan dan kefahaman tentang konsep dan prinsip-prinsip yang telah dikemukakan di dalam buku-buku teks. Malahan kemahiran ini dapat diperolehi melalui pengalaman yang dialami oleh pihak pengurusan semasa menjalankan tugas.

3.2.1 PENGURUSAN DI DALAM ORGANISASI

Sudah menjadi kebiasaan untuk membezakan kedudukan pengurus mengikut hierarki kuasa atau pangkat di dalam sesebuah organisasi. Perbezaan ini dapat dilihat di dalam rajah 3.2 hierarki pengurusan.

Rajah 3.2 : Hierarki Pengurusan



Sumber : Henry Mintzberg, The Manager's job, folklore and fact

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Pengurus atasan ialah pengurus yang menduduki peringkat atasan yang terdiri daripada Ketua Eksekutif, Pengurus Besar yang menetapkan matlamat dan menentukan ia tercapai mengikut tujuan organisasi tersebut. Pengurus atasan ini juga meneliti perkembangan dan peluang yang berlaku dipersekitaran luaran supaya organisasi itu dapat menyesuaikan diri kepada perubahan yang berlaku. Pengurus pertengahan pula ialah menyelaras dan menyatupadukan aktiviti bahagian untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak atasan. Mereka terdiri daripada Pengurus Kawasan, Pengurus Personel dan lain-lain. Pengurus bawahan pula ialah yang terdiri daripada fomen dan ketua kumpulan. Tugas mereka adalah mengawasi pekerjaan harian dibahagian operasi seperti bahagian pengeluaran agar pengeluaran itu mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan pertengahan dan bawahan (Henry Mintzberg, 1961).

3.3 PENGENALAN KEPADA BURUH

Buruh merupakan individu yang terpenting dalam industri pembinaan kerana tanpanya pembinaan tidak dapat berjalan dengan lancar. Buruh ialah manusia yang mempunyai keupayaan untuk mengesan masalah dan membuat pengubahsuaian yang perlu bagi sesuatu projek. Seorang kontraktor perlu mempunyai kemahiran untuk mengendalikan buruh yang pelbagai dan bermacam ragam samada buruh yang terdiri daripada buruh tempatan atau buruh asing. Menurut Zulkifli (1997), buruh terbahagi kepada tiga kategori iaitu buruh mahir, buruh separa mahir dan buruh tidak mahir. Buruh mahir ialah pekerja yang telah mahir dalam bidang-bidang tertentu dan bekerja tanpa perlu diawasi. Manakala buruh separa mahir merupakan pekerja yang mendapat kemahiran dalam bidang tertentu tetapi tidak mempunyai pengalaman di tapak pembinaan. Buruh ini menjalankan kerja-kerja khusus dan perlu dibimbing. Seterusnya buruh tidak mahir pula ialah buruh yang tidak mempunyai sebarang kepakaran khusus dalam melakukan kerja pembinaan. Buruh ini hanya bergantung kepada arahan dan perlu sentiasa diawasi oleh ketua di tapak bina.

Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua buruh yang diambil bekerja dibawahnya. Perkara yang paling penting yang perlu dipatuhi sebelum buruh memulakan kerja di tapak bina ialah mendaftarkan pengambilan pekerja termasuklah butir-butir mengenai buruh di bawah tanggungannya kepada Jabatan Buruh Negeri. Selain itu juga, kontraktor perlu bertanggungjawab memastikan buruh-buruh di bawah pengawasannya supaya mematuhi semua syarat-syarat atau undang-undang yang telah ditetapkan dalam Ordinan Kerja 1955, Akta Kerja (Sekatan) 1968, Ordinan Kumpulan Simpanan Wang Pekerja 1951, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan lain-lain lagi. Kontraktor juga perlu menitikberatkan keselamatan dan kesihatan buruh di tapak bina dengan memastikan setiap buruh mempunyai Kad Hijau CIDB yang telah dikeluarkan sejak tahun 2000 lagi.

3.3.1 PENGURUSAN BURUH

Objektif utama pengurusan buruh ialah untuk meningkatkan produktiviti kerja dengan menghindari daripada semua masalah yang berkaitan dengan kekurangan atau kelebihan buruh semasa pembinaan sedang dijalankan. Keperluan buruh dalam pembinaan perlu dirancang terlebih dahulu dengan teliti supaya tidak timbul kesan yang negatif akibat daripada lebih atau kekurangan buruh. Justeru itu, pengurusan sumber buruh adalah amat penting kepada sektor pembinaan. Ini adalah kerana:

- i. Untuk tidak menjejaskan produktiviti kerja
- ii. Untuk menghadapi masalah kekurangan buruh
- iii. Untuk menghadapi masalah pengambilan buruh

Perancangan buruh yang berkesan adalah dengan menentukan bilangan buruh memenuhi sesuatu masa yang diperlukan, pembahagian kerja buruh mengikut kemahiran tertentu seperti buruh mahir, buruh separa mahir dan buruh tidak mahir dan juga pelicinan sumber buruh. Pelicinan sumber buruh bermaksud bilangan buruh yang diperlukan adalah menepati keperluan kerja pembinaan. Pelicinan sumber buruh adalah penting kerana bukan senang hendak mendapatkan semula buruh yang telah dibuang. Biasanya buruh yang telah dibuang akan beralih kepada projek lain dan ini menyukarkan kontraktor untuk mendapatkan semula buruh apabila diperlukan (Zulkifly, 1997).

3.3.2 MASALAH BURUH

Masalah buruh biasanya timbul daripada pelbagai aspek yang tertentu. Antaranya ialah masalah yang berpunca daripada pengurusan buruh yang tidak sistematik. Buruh yang diperlukan ada kalanya kurang dan berlebihan. Jika tenaga buruh kurang, akan menyebabkan projek menjadi lambat siap dalam tempoh yang ditetapkan. Begitu juga sebaliknya, akan menyebabkan pembaziran dari segi kos.

Satu lagi masalah buruh di Malaysia ialah masalah kekurangan buruh tempatan. Ini secara tidak langsung akan mengakibatkan kontraktor mengambil buruh asing dari negara luar seperti negara Indonesia, Thailand dan sebagainya. Justeru, masalah akan timbul apabila kuota buruh asing yang kecil ditetapkan oleh kerajaan sedangkan buruh tempatan tidak ramai. Ini juga akan menyebabkan warganegara asing membanjiri negara Malaysia.

Kontraktor juga suka mengambil buruh asing kerana gaji yang rendah, rajin bekerja dan tidak mempunyai banyak karenah berbanding dengan buruh tempatan walaupun bukan keseluruhan buruh tempatan bersikap sedemikian. Masalah ini juga berpunca daripada masyarakat tempatan sendiri yang sewenang-wenangnya memandang rendah terhadap pekerjaan buruh binaan. Masalah ini boleh diatasi dengan menyedarkan rakyat mengenai kelebihan kerjaya buruh binaan yang juga merupakan salah satu sumber rezeki yang halal.

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Terdapat juga masalah yang berlaku disebabkan oleh buruh itu sendiri. Antara masalah yang sering berlaku di tapak bina ialah mengadakan mogok, bekerja tidak mengikut arahan kontraktor syarikat, sering datang lewat, menuntut gaji lebih, bergaduh sesama sendiri serta masalah dari segi komunikasi. Ini berlaku disebabkan gaji yang tidak seimbang dan kebajikan pekerja yang tidak diberi perhatian oleh pihak majikan (Amir Rosli, 2004)


3.4 KESELAMATAN BURUH DI TAPAK BINA

Menurut Kamus Dewan (1996), keselamatan buruh di tapak bina bermaksud satu keadaan yang terpelihara atau terhindar daripada sebarang bencana dan terlepas daripada bahaya serta tidak mendapat apa-apa gangguan. Pejabat Buruh Antarabangsa, 1990 pula mendefinisikan keselamatan sebagai suatu yang meliputi semua aktiviti yang terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan program-program menggalakkan keselamatan, tindakan pencegahan dan pengenalpastian bahaya serta risiko di tempat kerja.

Menurut Helender (1991), kadar risiko dalam industri pembinaan bangunan adalah lebih tinggi berbanding dengan industri yang lain. Hal ini sering dikaitkan dengan keadaan kerja yang bahaya dan lebih mengundang risiko dalam persekitaran seharian. Selain itu, risiko dalam industri pembinaan ini amat bergantung kepada kecekapan dalam pelaksanaan dan pengurusan di tapak bina (Co Van,1995).

Kejadian kemalangan yang sering terjadi dalam sektor pembinaan telah menyebabkan berlaku banyak kerugian selain kehilangan ramai pekerja (Kheni *et al*, 2005). Oleh itu, perkara sedemikian perlu dibendung dari awal lagi agar dapat meningkatkan prestasi kerja di sektor pembinaan serta membantu dalam pembangunan Negara bagi mencapai wawasan 2020. Persekitaran kerja yang selamat amat penting dalam meningkatkan imej industri pembinaan negara


Rajah 3.3 : Menunjukkan kemalangan yang melibatkan jentera cerucuk hidraulik



Sumber : National Conference On Environment Health 2010

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Rajah 3.4 : Menunjukkan kemalangan yang melibatkan kren bergerak



Sumber : National Conference On Environment Health 2010

BAB 4

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

4.1 PENGENALAN


Pengurusan buruh di tapak bina memainkan peranan yang penting bagi melancarkan sesuatu projek pembinaan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Pengelasan buruh di tapak bina terbahagi kepada tiga kategori iaitu buruh mahir, buruh separa mahir dan buruh tidak mahir. Mengikut syeksyen 2 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994, buruh mahir adalah individu yang mempunyai tahap kemahiran yang boleh di terima oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Buruh mahir juga merupakan pekerja yang telah mahir dalam bidang-bidang tertentu dan bekerja tanpa perlu diawasi. Manakala buruh separa mahir merupakan pekerja yang mendapat kemahiran dalam bidang tertentu tetapi tidak mempunyai pengalaman di tapak pembinaan. Buruh ini menjalankan kerja-kerja khusus dan perlu dibimbing. Seterusnya buruh tidak mahir pula ialah buruh yang tidak mempunyai sebarang kepakaran khusus dalam melakukan kerja pembinaan. Buruh ini hanya bergantung kepada arahan dan perlu sentiasa diawasi oleh ketua di tapak bina. Berikut ialah kategori-kategori buruh dan contoh-contoh buruh yang sedang melakukan kerja-kerja pembinaan bagi menyiapkan bangunan tambahan di Sekolah Kebangsaan Telaga Ara.

4.2 TUGAS-TUGAS BURUH DI TAPAK BINA

4.2.1 TUKANG KONKRIT

Bertanggungjawab untuk melakukan kerja-kerja seperti membancuh simen, mengawet simen dan juga kerja-kerja konkrit pada bahagian yang tertentu. Kerja-kerja konkrit perlu dilakukan dengan berhati-hati supaya tidak berlaku sebarang masalah yang akan melambatkan proses konkrit itu. Ia perlu dilakukan dengan cepat supaya konkrit tidak menjadi keras atau kering. Kadang kala, kerja-kerja konkrit terpaksa disiapkan sehingga larut malam.

Gambarfoto 4.1 : Menunjukkan kerja-kerja pembancuhan simen



Gambarfoto 4.2 : Menunjukkan kerja-kerja ujian kiub




Gambarfoto 4.3 : Menunjukkan kerja-kerja konkrit pada slab dan beam



4.2.2 TUKANG BESI

Bertanggungjawab melakukan kerja-kerja seperti memotong, membengkok dan juga merekabentuk besi (reinforcement) mengikut pelan serta kehendak yang telah ditetapkan oleh pihak jurutera yang terlibat.

Gambarfoto 4.4 : Menunjukkan kerja-kerja pemotongan besi



PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Gambarfoto 4.5 : Menunjukkan kerja-kerja membengkokkan besi




Gambarfoto 4.6 : Menunjukkan kerja-kerja mengikat besi pada tiang (column)



4.2.3 TUKANG BATA


Bertanggungjawab melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan memotong dan mengikat bata. Tukang bata diperlukan apabila kerja-kerja struktur siap dilakukan. Penerap bata juga perlu membuat kerja-kerja tersebut.

Gambarfoto 4.7 : Menunjukkan kerja-kerja memecahkan bata



PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA


Gambarfoto 4.8 : Menunjukkan kerja-kerja mengikat bata



4.2.4 TUKANG LEPA

Bertanggungjawab melakukan kerja-kerja melepa dinding, siling dan lantai. Kerja-kerja melepa mesti dilakukan dengan kemas dan teratur supaya tidak ada sebarang kecacatan pada permukaan dinding yang dilepa. Selain itu, kerja-kerja mengecat dapat dilakukan dengan lebih mudah. Biasanya tebal lepaan adalah diantara 19mm ataupun 25mm. Ia bergantung kepada spesifikasi yang terdapat dalam lukisan arkitek.

Gambarfoto 4.9 : Menunjukkan kerja-kerja melepa pada dinding



PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA


Gambarfoto 4.10 : Menunjukkan kerja-kerja melepai pada siling



4.2.5 TUKANG KAYU

Bertanggungjawab untuk membuat tanggam, kerangka (formwork) dan perancah dalam pembinaan bangunan. Kemahiran yang sangat cekap diperlukan bagi melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan kayu. Hal ini demikian kerana, pada peringkat awal pembinaan kayu sangat banyak digunakan berbanding dengan bahan-bahan yang lain.

Gambarfoto 4.11 : Menunjukkan kerja-kerja membuat formwork




Gambarfoto 4.12 : Menunjukkan kerja-kerja penanggalan formwork pada beam dan slab



4.2.6 TUKANG PAIP

Bertanggungjawab untuk memasang alat-alat perpaipan bagi kelengkapan kebersihan. Untuk projek ini, kerja-kerja perpaipan ini dilakukan sendiri oleh buruh-buruh yang diupah. Kerja-kerja ini dilakukan sebelum pepadatan tanah dan juga sebelum kerja-kerja konkrit untuk lantai.

Gambarfoto 4.13 : Menunjukkan kerja-kerja memasang mangkuk tandas




4.2.7 TUKANG JUBIN

Bertanggungjawab melakukan kerja-kerja kemas untuk lantai dan juga dinding. Biasanya keseluruhan kawasan lantai menggunakan jubin, manakala dinding pula hanya menggunakan jubin di dapur dan tandas sahaja. Tukang jubin mestilah mempunyai kemahiran untuk memotong dan memasang jubin. Ini adalah supaya tidak berlaku sebarang kecacatan pada hiasan pemasangan jubin. Kaedah pemasangan jubin adalah bermula dari penjuru ruang.

Gambarfoto 4.14 : Menunjukkan kerja-kerja memotong jubin



Gambarfoto 4.15 : Menunjukkan kerja-kerja memasang jubin dalam tandas



4.3 PENGENDALIAN BURUH DI TAPAK BINA

Pengendalian buruh yang bersistematik adalah memainkan peranan yang penting dalam pembinaan sesebuah bangunan. Hal ini sangat dititikberatkan oleh SPTRSB. Penggunaan buruh mengikut jadual adalah sangat perlu supaya kerja-kerja yang dijalankan dapat disusun dengan teratur mengikut masa yang telah ditetapkan. Biasanya penjadualan penggunaan buruh di syarikat ini adalah di pertanggungjawabkan kepada pengurus projek itu sendiri iaitu Encik Nor Azuan Bin Abdullah. Justeru, syarikat ini menggunakan buruh asing daripada Negara Indonesia. Gaji buruh pula akan ditentukan mengikut kemahiran dan kebolehkerjaan masing-masing. Selain itu, untuk membolehkan pengendalian buruh yang bersistematik, hubungan antara majikan dengan buruh perlu diambil kira.

4.4 PROSES PENGAMBILAN BURUH

SPTRSB hanya menggunakan buruh tempatan sebagai operator jentera dan penyelia tapak sahaja. Manakala untuk kerja-kerja di tapak bina yang meliputi kerja-kerja konkrit, melepak, mengikat bata dan sebagainya adalah sepenuhnya menggunakan buruh asing. Pihak syarikat mengambil buruh asing daripada Negara Indonesia. Biasanya istilah menggunakan buruh asing akan menjadi sah disisi undang-undang apabila buruh tersebut mempunyai passport dan permit kerja yang sah. Jika tidak mereka akan dianggap sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Memandangkan SPTRSB menggunakan buruh asing sebagai majoriti besar buruh, maka pihak syarikat banyak berurusan dengan proses-proses pengambilan buruh asing ini. Terdapat tiga proses utama iaitu proses pengambilan, penyambungan kontrak, dan penamatan tempoh kontrak.

Rajah 4.1 menunjukkan proses permulaan pengambilan buruh asing. SPTRSB mengutarakan kehendaknya kepada agen pengurusan pengambilan buruh asing.


PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Kemudian agen tersebut akan mengeluarkan senarai nama dan nombor passport buruh. Setelah proses pengurusan buruh selesai di peringkat agen buruh, maka buruh akan dibawa ke Malaysia melalui pintu masuk yang dibenarkan oleh pihak kerajaan. Pihak SPTRSB wajib menghantar wakil untuk menjemput buruh-buruh ini di pintu masuk. Ini adalah supaya tidak timbul sebarang masalah penempatan untuk buruh.

SPTRSB akan menguruskan permit untuk buruh, pengurusan pembayaran LEVI, dan juga menguruskan pas lawatan kerja sementara. Kemudian pihak syarikat akan menghantar Jaminan Bank sebagai pengesahan kepada pengambilan buruh asing. Kemudian pihak syarikat juga perlu menghantar passport asal buruh ke Jabatan Imegresen untuk pengesahan kemasukan buruh ke negara ini. Selepas itu, SPTRSB akan menguruskan pembelian polisi insurans untuk buruh. Selepas dua tahun, pembaharuan permit kerja pula perlu dilakukan.

Jika terdapat buruh yang melanggar peraturan-peraturan syarikat, tidak memberikan komitmen yang tinggi semasa melakukan kerja di tapak bina, malas untuk bekerja ataupun yang tidak berminat untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan, maka permit buruh tidak perlu disambung. Buruh tersebut akan dihantar pulang ke negara asal. Segala perbelanjaan buruh untuk pulang ke Negara asal akan ditanggung oleh pihak syarikat.

Rajah 4.1 : Menunjukkan proses permulaan pengambilan buruh asing



Sumber : Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd

4.5 PENAMATAN KONTRAK BURUH

Semua Negara mempunyai akta atau undang-undang yang berkaitan dengan pemberhentian seseorang pekerja oleh majikan. Terdapat andaian bahawa majikan diberi kuasa untuk memberhentikan seseorang pekerja dengan menamatkan kontraknya. Andaian ini membolehkan seseorang majikan untuk menyelesaikan masalah pekerja yang tidak mempunyai prestasi kerja yang baik. Pada masa yang sama keadaan ini diseimbangkan dengan member hak-hak kepada seorang pekerja untuk melindungi dirinya daripada tindakan yang tidak adil oleh pihak majikan. Oleh yang demikian, kontraktor hanya perlu mengambil pekerja-pekerja samada kakitangan teknikal, pekerja-pekerja mahir mahupun buruh biasa yang betul-betul cekap dan berkelakuan baik. Sekiranya didapati terdapat pekerja-pekerja yang kurang cekap membuat kerja, maka pihak kontraktor berhak memecat pekerja tersebut setelah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa. SPTRSB tidak akan teragak-agak untuk memberhentikan atau menamatkan tempoh perkhidmatan permit buruh binaan sekiranya buruh itu sendiri tidak memberi komitmen yang tinggi dalam membuat sesuatu kerja di tapak bina. Hal ini kerana pihak syarikat mementingkan produktiviti kerja yang memuaskan. Justeru, jika terdapat buruh yang malas bekerja, pihak syarikat tidak akan memberi muka kepada buruh tersebut.

4.6 JADUAL KERJA BURUH

4.6.1 HARI DAN WAKTU BEKERJA

Waktu bekerja di tapak bina adalah pada hari Ahad sehingga hari Sabtu daripada pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Manakala pada hari Jumaat pula merupakan hari cuti mingguan atau hari rehat untuk buruh. Menurut Akta Pekerjaan 1955 setiap pekerja hendaklah dalam setiap satu minggu dibenarkan satu hari rehat sepenuhnya. Sekiranya buruh bekerja lebih daripada pukul 5.00 petang maka ia akan dianggap sebagai kerja lebih masa. Kerja lebih masa ialah sebarang penambahan waktu bekerja. Biasanya buruh dikehendaki untuk kerja lebih masa apabila melakukan kerja-kerja konkrit dalam kuantiti yang banyak ataupun kerja-kerja konkrit ini dilakukan pada lewat petang. Hal ini mungkin disebabkan oleh kelewatan penghantaran konkrit ataupun cuaca yang buruk. SPTRSB mempraktikkan pembayaran gaji berdasarkan jumlah masa pekerja itu sendiri. Walaubagaimanapun ia juga bergantung kepada gaji persehari yang diperolehi oleh buruh.

4.6.2 CUTI SAKIT

SPTRSB akan meluluskan cuti sakit kepada buruh apabila terdapat perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Sebagai contoh kemalangan di tapak bina, keluarga sakit dan sebagainya. Tempoh masa bagi cuti sakit yang telah diberikan oleh pihak syarikat adalah lima hari atau lebih secara berturutan tidak termasuk hari Jumaat iaitu hari cuti mingguan buruh. Notis, alasan-alasan yang munasabah serta sijil sakit perlu disertakan bagi mendapat bayaran hari yang telah ditetapkan.

4.7 KAEDAH PEMBAYARAN GAJI BURUH

SPTRSB membayar gaji buruh mengikut jenis pekerjaan buruh di tapak bina. Sebagai contoh, pihak syarikat akan membayar gaji buruh mahir sebanyak RM 60 satu hari. Manakala bagi buruh tidak mahir pula sebanyak RM 40 satu hari. Selain itu, untuk operator jentera pula, pihak syarikat akan membayar gaji sebanyak RM 70 satu hari. Upah yang ditawarkan adalah berpatutan dengan tahap perkembangan ekonomi semasa. Justeru itu, upah yang dibayar adalah berpandukan kepada Negara asal buruh itu. Hal ini kerana, SPTRSB menggunakan buruh asing daripada Negara Indonesia untuk bekerja di tapak bina. Di syarikat ini, gaji pekerja akan dibayar satu kali dalam seminggu iaitu pada setiap hari Khamis. Biasanya ketua buruh yang telah mendapat taraf kewarganegaraan di Malaysia akan pergi ke syarikat untuk mengambil gaji daripada Pengurus Projek itu sendiri iaitu Encik Nor Azuan Bin Abdullah. Kemudian ketua buruh tersebut akan bertanggungjawab mengagihkan gaji kepada buruh-buruh yang lain bergantung kepada waktu kerja buruh itu sendiri.

4.8 KESELAMATAN & KESIHATAN BURUH DI TAPAK BINA

Tapak bina merupakan suatu tempat yang tidak selamat dan selalunya mengundang bahaya kepada buruh. Hal ini kerana masih ada pihak yang terlibat secara langsung di dalam pembinaan yang tidak menitikberatkan hal keselamatan dan kesihatan pekerja, walaupun terdapat banyak kempen dan inisiatif yang telah diusahakan oleh pelbagai pihak. Sebenarnya, elemen keselamatan ini berperanan penting dalam meningkatkan produktiviti kerja dan juga meningkatkan keuntungan samada di pihak pekerja, kontraktor mahupun pemilik syarikat. Statistik kemalangan di tapak bina menunjukkan angka yang tinggi. Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan program Kad Hijau CIDB diseluruh Negara bagi mempertingkatkan sistem pengurusan keselamatan di tapak.


SPTRSB telah menyediakan pelbagai alat kelengkapan keselamatan kepada buruh di tapak bina. Sebagai contoh topi keselamatan yang telah disahkan oleh SIRIM, kasut but, sarung tangan, cermin mata keselamatan (safety goggle) dan banyak lagi. Maka, setiap buruh di tapak bina perlu memakai alat kelengkapan tersebut semasa hendak memulakan sesuatu kerja di tapak bina. Secara tidak langsung, ini boleh mengelakkan daripada berlakunya kemalangan yang serius di tapak bina. Selain itu, pihak syarikat juga meletakkan papan tanda keselamatan di setiap pintu masuk utama tapak projek. Papan tanda tersebut berbunyi 'safety first' yang membawa maksud yang begitu besar kepada sesiapa sahaja yang melangkah masuk ke tapak bina supaya menjaga keselamatan dengan lebih selamat.

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Gambarfoto 4.16 : Menunjukkan papan tanda amaran pembangunan sedang dijalankan



Gambarfoto 4.17 : Menunjukkan pagar keselamatan yang terdapat di tapak bina



4.8.1 DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN SPTRSB

SPTRSB berkewajipan dan mempunyai tanggungjawab yang asasi untuk menentukan semua pekerja-pekerjanya bekerja di dalam suasana yang sihat dan selamat. Kami akan mematuhi semua peraturan dan undang-undang kesihatan dan keselamatan serta mengambil segala langkah untuk mencegah kecederaan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan.

Adalah menjadi dasar SPTRSB untuk:

- i Menyedia dan memelihara suasana amalan kerja yang bersih dan selamat untuk semua pekerja kami
- ii Merumus dan menguatkuasakan amalan kerja yang selamat serta member latihan kepada pekerja-pekerja berhubung dengan perkara ini, serta
- iii Mempertanggungjawabkan semua pengurus bagi mencapai matlamat ini.

Setiap pekerja adalah penting di dalam program Keselamatan dan Kesihatan kita dan kami mahu penglibatan mereka yang sepenuhnya terhadap matlamat-matlamat ini, dengan melaporkan keadaan-keadaan yang tidak sihat dan selamat di tempat bekerja. Perlaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan yang sempurna untuk melindungi kakitangan kita adalah keperluan yang amat penting bagi kejayaan sepenuhnya perusahaan kita. Dasar ini memperkukuhkan dan tidak sama sekali memusnahkan dasar-dasar yang sedia ada berkaitan dengan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar.

4.9 KEBAJIKAN BURUH DI TAPAK BINA

Kebajikan buruh terhadap buruh adalah merupakan isu yang sering diperkatakan di dalam semua sektor pekerjaan. Ini amat dititikberatkan di bawah undang-undang yang bertujuan untuk mengelakkan mereka daripada ditindas oleh pihak majikan. Bagi SPTRSB, buruh-buruh dijaga dengan baik kerana pihak syarikat hendak mengekalkan reputasi syarikat terhadap pengambilan buruh asing. Pihak syarikat juga tidak mahu dikatakan mengambil kesempatan terhadap buruh asing kerana majoriti buruh di syarikat ini ialah buruh daripada Negara Indonesia. Antara kebajikan-kebajikan yang disediakan oleh pihak syarikat adalah seperti menyediakan rumah kongsi kepada buruh, kantin dan sebagainya. Pihak SPTRSB juga menyediakan insurans untuk mengurangkan beban dan memberikan jaminan keewangan kepada keluarga magsa buruh yang mengalami kemalangan di tapak bina. Seterusnya pihak syarikat juga mendaftarkan buruh-buruh dan mencarum di bawah skim keselamatan sosial (PERKESO).

4.10 UNDANG-UNDANG BERKAITAN KEBAJIKAN BURUH

Kebajikan buruh di tapak bina perlu dititikberatkan di bawah akta undang-undang. Hal ini adalah untuk menjamin buruh daripada berlakunya masalah seperti penindasan dan sebagainya. Ini secara tidak langsung dapat melindungi buruh dari teraniaya dan menjadi mangsa oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Di antara akta-akta tersebut ialah :

4.10.1 AKTA KERJA 1995

Antara aspek-aspek yang terkandung di dalam Akta Kerja 1995 ialah kontrak perkhidmatan, gaji, penggajian wanita, faedah seperti cuti dan waktu bekerja serta penamatan kontrak kerja. Akta Kerja 1995 juga diminta untuk menjaga kebajikan semua buruh yang digaji di bawah satu kontrak perkhidmatan.

Objektif akta ini ialah menetapkan syarat pekerjaan yang minimum untuk:

- i Untuk memastikan buruh menerima faedah-faedah yang telah ditetapkan.
- ii Untuk memastikan buruh diberi perlindungan yang sewajarnya daripada sebarang penindasan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- iii Menetapkan hukuman bagi mereka yang tidak mematuhi peraturan dan peruntukan yang telah digariskan oleh Akta Kerja 1995.

4.10.2 AKTA KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJA 1994 (OSHA)

Kesihatan dan keselamatan pekerja merupakan satu bidang yang bertujuan untuk melindungi kesihatan, keselamatan dan kebajikan pekerja. Keselamatan tempat kerja merupakan suatu aspek yang penting di dalam sesebuah institusi syarikat. Ia merupakan salah satu tanggungjawab majikan di bawah Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 Malaysia untuk mengambil berat tentang kesihatan dan keselamatan para pekerja ketika bekerja di dalam sesebuah syarikat dan tapak bina. Akta ini dikawal selia oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan dari Kementerian Sumber Manusia. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah digubal pada 25 Februari 1994 dan digubal berdasarkan konsep peraturan tersendiri dengan tanggungjawab utama bagi memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terhadap orang yang mewujudkan risiko dan bekerja dengan risiko.

4.10.3 AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

Pertubuhan keselamatan sosial pekerja (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai jabatan kerajaan pada 1 Januari 1971 bagi menguatkuasakan akta keselamatan sosial pekerja, 1969 dan kemudian menjadi sebuah badan berkanun mulai 1 Julai 1985. Perlindungan utama oleh SOCSO ialah insurans kepada pekerja melalui majikan terutamanya di dalam industri binaan yang banyak menghadapi kemalangan. Pekerja akan dilindung melalui insurans sosial untuk mengurangkan beban dan memberikan jaminan kewangan kepada keluarga mangsa kemalangan di tapak bina. Setiap pekerja yang bekerja di tapak bina tidak kiralah samaada pekerja buruh asing atau buruh tempatan, mereka semua akan diberi perlindungan di bawah akta keselamatan sosial pekerja 1969. Oleh itu, semua kontraktor dikehendaki mendaftarkan pekerja-pekerjanya dan mencarum di bawah skim keselamatan sosial (PERKESO).

4.10.4 AKTA KUMPULAN SIMPANAN WANG PEKERJA 1991 (KWSP)

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan sebuah institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Malaysia, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya melalui pengurusan simpanan mereka secara cekap dan boleh dipercayai. KWSP juga menyediakan sistem yang efisien dan sistematik bagi memastikan para majikan dapat mencarum kepada KWSP bagi pihak pekerja mereka. Caruman bermaksud wang yang dikreditkan ke dalam akaun individu ahli KWSP. Amaun tersebut terdiri daripada caruman pekerja dan caruman majikan dan dikira berdasarkan gaji bulanan pekerja. Kadar caruman semasa adalah 23% daripada gaji pekerja dimana 11% adalah caruman pekerja yang dipotong daripada gaji bulanan pekerja manakala 12% adalah caruman oleh majikan.

BAB 5

MASALAH KAJIAN DAN CARA MENGATASI

5.1 PENGENALAN

Dalam sesebuah pengurusan tidak logik jika dikatakan tidak mengalami sebarang masalah. Begitu juga dengan pengurusan buruh di tapak bina. Terdapat banyak masalah dalam pengurusan buruh di tapak bina. Contohnya masalah berkaitan permit bagi buruh asing, masalah ketidaksefahaman buruh dengan pihak majikan dan banyak lagi. Walaubagaimanapun masalah yang timbul dalam pengurusan buruh di tapak bina dapat diatasi dengan jayanya oleh kakitangan SPTRSB. Bagi pihak syarikat, masalah-masalah sedemikian tidak akan menjejaskan kelancaran projek yang sedang dijalankan dan projek tersebut masih akan disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

5.2 MASALAH KAJIAN

5.2.1 MASALAH PERMIT BURUH

Masalah berkaitan permit buruh merupakan isu yang paling hangat diperkatakan samada di dada-dada akhbar mahupun di televisyen. Ini kerana permit buruh asing hanya sah dalam tempoh 2 tahun sahaja. Selepas daripada dua tahun, permit buruh asing perlu diperbaharui supaya tidak timbul masalah jika pihak imegresen datang membuat pantauan di tapak bina. Biasanya masalah permit timbul apabila terdapat sesetengah buruh asing yang tidak mengambil kisah atau lupa tentang tempoh penamatan permit. Mereka hanya menyedari apabila permit mereka sudah tamat tempoh. Ini secara tidak langsung telah memberi masalah kepada pihak majikan untuk memperbaharui permit buruh yang telah tamat tempoh akibat daripada kelalaian buruh asing itu sendiri. Selain itu, masalah permit juga disebabkan oleh sikap buruh asing itu sendiri yang menganggap urusan memperbaharui permit terletak sepenuhnya kepada pihak majikan. Jadi mereka lebih senang mengambil sikap sambil lewa mengenai urusan permit tersebut.

5.2.2 MASALAH BURUH DENGAN MAJIKAN

Masalah antara buruh dengan majikan berlaku apabila buruh tidak memahami konsep dan kaedah kerja yang dirancang oleh pihak majikan. Sebagai contoh, buruh melakukan sesuatu kerja di tapak bina tanpa merujuk kepada konsep dan kaedah kerja. Mereka dengan sewenang-wenangnya membuat kerja mengikut cara yang tersendiri tanpa bertanya terlebih dahulu kepada pihak majikan. Ini secara tidak langsung boleh mendatangkan rasa tidak puah hati di kedua-dua belah pihak. Selain itu, buruh juga selalunya menganggap majikan tidak memenuhi kebajikan mereka sedangkan segala keperluan dan kebajikan telah disediakan oleh pihak syarikat. Contohnya pihak syarikat telah menyediakan rumah kongsi kepada buruh, kantin dan juga pampasan insurans jika berlaku kemalangan yang tidak diingini. Jadi, isu pihak majikan yang tidak mementingkan atau menindas buruh asing adalah tidak tepat sama sekali.


5.2.3 MASALAH BURUH DENGAN BURUH

Memandangkan SPTRSB menggunakan khidmat buruh asing dari Negara Indonesia, sedikit sebanyak masalah akan timbul juga diantara buruh asing dengan buruh tempatan. Walaupun buruh asing hanya ditugaskan untuk membuat kerja-kerja pertukangan dan buruh tempatan sebagai operator jentera atau penyelia tapak, tetapi masalah ketidaksefahaman juga akan tetap timbul dan mendatangkan masalah kepada pihak syarikat. Hal ini kerana ada dikalangan buruh asing yang suka bertengkar dan bercanggah pendapat dengan buruh tempatan terutamanya dalam membuat sesuatu kerja di tapak bina. Selain itu, ketidaksefahaman antara buruh asing dengan buruh tempatan juga disebabkan masalah yang berkaitan dengan budaya hidup dan adat resam masing-masing. Walaupun demikian, masih tidak ada kes pergaduhan antara buruh asing dengan buruh tempatan yang dicatatkan di dalam laporan keselamatan di tapak bina Sekolah Kebangsaan Telaga Ara. Ini mungkin disebabkan oleh kebijaksanaan kakitangan syarikat dalam menangani isu-isu ketidaksefahaman diantara buruh dengan buruh.

5.2.4 TIDAK MEMATUHI PERATURAN KESELAMATAN DI TAPAK BINA

Masalah ini berlaku apabila kebanyakan buruh yang bekerja di tapak bina Sekolah Kebangsaan Telaga Ara yang begitu sukar untuk mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang telah digariskan semasa berada di tapak bina. Di antara peraturan-peraturan yang tidak dipatuhi oleh sesetengah buruh di tapak bina ialah tidak memakai kasut but keselamatan, tidak memakai topi keselamatan yang telah disahkan oleh SIRIM, tidak memakai sarung tangan semasa melakukan kerja-kerja memotong besi, tidak memakai cermin mata keselamatan semasa sedang melakukan kerja-kerja mengimpal dan sebagainya. Berikut menunjukkan gambar foto buruh yang tidak mematuhi peraturan-peraturan keselamatan di tapak bina.

Gambarfoto 5.1 : Menunjukkan buruh tidak mematuhi peraturan keselamatan di tapak



Menunjukkan buruh yang tidak memakai kasut but keselamatan dan tidak memakai sarung tangan semasa melakukan kerja-kerja memecahkan bata di tapak bina.

5.2.5 KURANG DAYA TUMPUAN TERHADAP KERJA

Berdasarkan kajian yang telah dibuat di tapak bina Sekolah Kebangsaan Telaga Ara, buruh asing lebih banyak mengalami masalah berbanding dengan buruh tempatan. Walaupun buruh asing banyak memberi komitmen dalam melakukan kerja pembinaan, tetapi tidak mustahil prestasi kerja buruh akan merosot sekiranya mereka berhadapan dengan masalah-masalah dalaman yang mungkin pihak majikan tidak mengetahuinya. Antara masalah yang mungkin dialami oleh buruh ialah masalah keluarga di kampung halaman ataupun masalah keewangan. Secara tidak langsung, ini boleh menyebabkan buruh hilang tumpuan terhadap kerja pembinaan di tapak bina dan akan menjejaskan kelancaran projek.

5.3 CARA MENGATASI

5.3.1 MENGGUNAKAN SISTEM PENJADUALAN DAN PEMBAHAGIAN PENGGUNAAN BURUH

Sistem penjadualan dan pembahagian penggunaan buruh yang lebih sistematik akan menjamin kelancaran sesuatu projek pembinaan dan menjamin kecepatan penyiapan projek tersebut. Sistem penjadualan dan pembahagian penggunaan buruh yang diamalkan oleh SPTRSB terbahagi kepada dua iaitu penggunaan buruh asing untuk kerja-kerja pertukangan seperti kerja konkrit, kerja melepada dan sebagainya manakala penggunaan buruh tempatan untuk kerja-kerja peyelia tapak ataupun operator jentolak. Sistem penjadualan dan pembahagian penggunaan buruh perlu dirancang terlebih dahulu. Justeru, perkongsian idea oleh pihak syarikat dengan sub kontraktor adalah amat perlu. Rajah 5.1 di bawah menunjukkan pembahagian tenaga kerja mahir bagi SPTRSB.

Rajah 5.1 : Menunjukkan pembahagian tenaga kerja mahir



Sumber : Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd

5.3.2 MENGAMBIL BERAT TENTANG MASALAH BURUH DAN MENGADAKAN PERBINCANGAN

Pihak majikan perlu mengambil berat mengenai hal ehwal buruh ataupun masalah-masalah yang dihadapi oleh buruh. Contohnya majikan boleh memberikan nasihat dan bantuan kepada buruh yang sedang kesusahan. Tindakan susulan perlu diambil oleh SPTRSB bagi mengelakkan kesan yang negatif kepada nama syarikat. Majikan juga boleh mengadakan perbincangan di antara buruh mengenai rasa ketidakpuasan atau ketidaksefahaman tentang pengurusan di tapak bina. Melalui sesi perbincangan ini secara tidak langsung boleh mengeratkan hubungan di antara pihak majikan dengan buruh sama ada buruh asing atau buruh tempatan.

5.3.3 MENAIKKAN GAJI BURUH YANG TELAH LAMA BERKHIDMAT

Menaikkan gaji buruh merupakan salah satu inisiatif yang berkesan untuk mengatasi masalah pengurusan buruh di tapak bina. Buruh-buruh yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun perlu dinaikkan gaji dan memberikan elaun bulanan. Ini adalah untuk meningkatkan prestasi kerja buruh dan menyebabkan buruh lebih bersemangat untuk bekerja. Kenaikan gaji oleh pihak syarikat hanya akan diberikan kepada buruh yang rajin dan memberikan komitmen yang tinggi semasa melakukan sesuatu kerja yang diarah

5.3.4 MENGEKALKAN PERKHIDMATAN BURUH YANG TELAH BERKHIDMAT

Buruh yang telah lama berkhidmat sudah tentu mempunyai pengalaman dan kemahiran yang lebih banyak berbanding dengan buruh yang baru berkhidmat. Umumnya terdapat sesetengah buruh yang setaraf dengan jurutera yang berpengalaman walaupun buruh tersebut tidak berpelajaran. Malahan buruh tersebut lebih cekap dan berwibawa. Jadi usaha untuk mengekalkan perkhidmatan buruh yang telah lama berkhidmat adalah sangat baik dan akan memberikan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak.

5.3.5 MENYEDIAKAN LATIHAN TAMBAHAN KEPADA BURUH

Latihan tambahan perlu disediakan kepada buruh agar buruh dapat bekerja dengan lebih mahir dan berkeyakinan dalam membuat sesuatu kerja. Syarikat Permata Timur Resources Sdn Bhd juga perlu memastikan kontraktor yang bekerja di tapak bina mempunyai latihan yang mencukupi bagi menjaga kualiti sesebuah projek. Latihan tidak perlu dijalankan secara menyeluruh akan tetapi dijalankan secara berperingkat. Ini adalah supaya tidak mengganggu perjalanan kerja yang sedang dijalankan. Majikan tidak perlu menggunakan khidmat jurulatih luar tetapi hanya menggunakan khidmat buruh mahir yang berada di tapak bina. Latihan boleh dijalankan semasa proses melakukan kerja pembinaan. Jadi pihak syarikat tidak perlu membazir untuk mengganggu kos upah jurulatih yang berlebihan.

5.4. CADANGAN

5.4.1 KERJASAMA ANTARA SEMUA PIHAK

Kerjasama antara semua pihak adalah perlu dipupuk dalam diri masing-masing. Ini adalah untuk mengelakkan berlakunya pelbagai masalah seperti masalah buruh dengan buruh, masalah majikan dengan buruh dan sebagainya. Pihak yang terlibat ialah pihak kontraktor itu sendiri, buruh asing dan juga buruh tempatan. Semua pihak tersebut perlulah bekerjasama dalam menangani masalah yang berlaku di tapak bina supaya semua pihak mendapat keuntungan dan manfaat. Mereka bukan saja perlu bekerjasama tetapi perlu berganding bahu dalam melakukan kerja-kerja pembinaan di tapak walaupun berlainan negara dan pangkat. Secara tidak langsung ini boleh mengelakkan berlakunya pergaduhan di tapak bina serta dapat bertukar-tukar pendapat dan kemahiran dalam melakukan tugas yang diberikan oleh pihak majikan.

5.4.2 MENGADAKAN KEMPEN KESEDARAN KEPADA BURUH

Kempen kesedaran perlu diadakan di tapak bina sekurang-kurangnya satu kali dalam sebulan. Melalui kempen ini, kita boleh memberi penerangan kepada buruh mengenai pentingnya penggunaan permit terutamanya bagi buruh asing yang datang dari luar negara. Kita juga boleh menjelaskan secara terperinci tentang kegunaan permit dan tempoh tamat permit. Hal ini adalah penting kerana terdapat segelintir buruh asing yang tidak mengambil kisah tentang permit mereka. Bagi mereka urusan permit bukan terletak di bahu mereka tetapi diserahkan sepenuhnya tanggungjawab itu kepada pihak majikan. Maka tidak hairanlah jika tempoh permit mereka tamat dengan begitu sahaja tanpa disedari oleh buruh itu sendiri.

5.4.3 MENGENAKAN HUKUMAN KEPADA BURUH YANG MELANGGAR PERATURAN KESELAMATAN DI TAPAK BINA

Mengenakan hukuman kepada buruh yang melanggar peraturan keselamatan di tapak bina adalah penting sekali kerana ini adalah untuk menjamin keselamatan buruh dari terlibat dengan kemalangan yang boleh membahayakan nyawa buruh. Bagi sesetengah buruh, mereka menganggap peraturan-peraturan keselamatan yang telah digariskan oleh pihak syarikat itu tidak penting sebaliknya mereka suka mengambil sikap sambil lewa. Mereka lebih suka mengambil risiko daripada bertindak untuk mematuhi peraturan-peraturan keselamatan di tapak bina. Antaranya ialah tidak memakai kasut but keselamatan, tidak memakai topi keselamatan yang telah disahkan oleh SIRIM, tidak memakai sarung tangan semasa kerja-kerja membengkokkan besi dan sebagainya. Hal ini boleh menyebabkan berlakunya kemalangan yang serius. Jadi hukuman perlu dikenakan kepada buruh yang melanggar peraturan keselamatan di tapak bina.

BAB 6

KESIMPULAN

Pengurusan buruh di tapak bina yang sistematik dan efisien akan meningkatkan prestasi kerja bagi sesebuah projek. Secara tidak langsung dapat menjamin dalam mempercepatkan tempoh masa pembinaan. Tenaga pekerja atau buruh merupakan salah satu aset yang terpenting di dalam industri pembinaan selain daripada modal, mesin, bahan dan kepakaran yang perlu dijaga dengan sebaik-baiknya. Tenaga pekerja ini memainkan peranan yang utama bagi menggerakkan atau melicinkan sesebuah projek. Tenaga pekerja di sector pembinaan ini boleh dikategorikan kepada 3 kumpulan iaitu buruh mahir, buruh separa mahir dan buruh tidak mahir. Justeru itu, ia berupaya untuk menghasilkan kerja yang berkualiti dalam tempoh masa dan kos yang dikehendaki di dalam penyiapan projek tersebut.

Selain itu, sistem pengurusan buruh yang baik akan melayakkan sesebuah syarikat mendapat projek yang lebih banyak. Kebanyakan ini mungkin disebabkan oleh cirri-ciri kontraktor itu sendiri yang bijak serta berfikiran jauh dalam dari semua aspek pengurusan di tapak bina. Biasanya kontraktor akan memastikan tidak berlakunya sebarang penangguhan projek yang akan menyebabkan pihak syarikat menanggung kerugian berjuta-juta ringgit. Mengikut kajian, kelewatan dan penangguhan penyiapan projek disebabkan oleh ketidakcekapan dalam mengendalikan buruh di tapak bina. Hal ini kerana buruh di tapak bina mempunyai bermacam-macam ragam yang akan menimbulkan masalah kepada pihak syarikat. Oleh itu, langkah-langkah penyusunan penggunaan penjadualan buruh adalah sangat penting bagi membantu mengurangkan risiko kepada penangguhan sesebuah projek.

PENGURUSAN BURUH DI TAPAK BINA

Pihak majikan juga perlu berganding bahu bagi memastikan pengurusan buruh di tapak bina menjadi lebih cekap dan sistematik. Antaranya ialah dengan menjaga kepentingan buruh di tapak bina iaitu dari aspek kebajikan, keselamatan, kesihatan dan sebagainya. Ini kerana aspek-aspek tersebut banyak mempengaruhi pengurusan buruh di tapak bina. Pihak majikan secara tidak langsung bertanggungjawab bagi memastikan prinsip-prinsip pengurusan buruh diikuti supaya projek berjalan dengan lancar dan sektor pembinaan memperolehi faedah atau keuntungan yang sewajarnya. Kesimpulannya, pengurusan buruh di tapak bina memainkan peranan yang penting bagi melancarkan sesuatu projek pembinaan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

SENARAI RUJUKAN

1. Boles and Davenport (1976), Construction Management, New York, Mc Graw Hill
2. Donnelly Gibson and Ironcovich (1980), Environmental Enggineering, USA, Mc Graw Hill
3. Hove, A.V.et.all (1997), Construction Solid Waste System, England, Springer
4. Rensis Likert and Gulick (1961), Construction and Demolition Debris, London, Mitchell
5. Lestari (2005), Construction Waste Management (Milestone Report 4), Lestari/FRIM Project on Waste Minimization and Recycling Potential Construction Material, Submitted to CIDB (July, 2005)
6. Amir Bin Rosli, (2004), Masalah buruh di tapak bina, tidak diterbitkan Tesis Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Pengurusan Pembinaan) Universiti Teknologi Mara
7. Zulkifly (1997), Pengenalan Kepada Buruh, Retrieved Februari 18, 2010, From [www. tripod.com](http://www.tripod.com).
8. www.dev.eng.usm.my/panduan.html



KOD SSM : _____

No. Kod Majikan

F 9 1 1 3 9 1 7 W

BORANG 1A

PEMBERHENTIAN SEBAGAI MAJIKAN

PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1971
(Peraturan 11A)

1. Saya MUSA BIN MOHD NOOR (No. Kad Pengenalan: _____)
Pemunya / Pekongsi Urusan / Pengarah Urusan* PERMATA TIMUR RESOURCES SDN BHD
.....(Nama Perusahaan) dengan ini mengesahkan bahawa
perusahaan ini akan berhenti daripada menjadi majikan di bawah Akta Keselamatan
Sosial Pekerja 1969 berkuat kuasa dari 30 /hh 11 / bb 2009 / tt
(Tarikh Pemberhentian).

2. Saya dengan ini mengakui bahawa kenyataan di atas adalah benar dan lengkap.
Saya lampirkan bersama-sama ini dokumen-dokumen untuk membuktikan kenyataan di
atas.

Tarikh : 24/2 /2010

(Tandatangan Pemunya / Pekongsi Urusan/
Pengarah Urusan*)

Nama dan Alamat Perusahaan

PERMATA TIMUR RESOURCES S/B.
PT1257-A JLN GUCHIL BAYAN
TELOK BHAKU, 15200 KOTA BHARU
KEL.

No. Telefon :

Cop Rasmi Perusahaan

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

8A



PERKESO

JADUAL CARUMAN BULANAN

UNTUK CARUMAN BULAN

0	4	2	0	1	0
---	---	---	---	---	---

b d t t

Jumlah caruman untuk bulan di atas hendaklah dibayar
tidak lewat daripada 31/05/2010

<input type="checkbox"/> Bayaran Tunai.	Amaun	Bilangan Pekerja	Lembaran									
<input type="checkbox"/> Bayaran cek, No. cek	RM		1									
<table border="1"> <tr><td>F</td><td>9</td><td>1</td><td>1</td><td>3</td><td>4</td><td>1</td><td>7</td><td>0</td></tr> </table>		F	9	1	1	3	4	1	7	0	Cap Bank	
F	9	1	1	3	4	1	7	0				
No. Kod Majikan Nama dan Alamat Majikan		* PERMATA TIMUR RESOURCES SDN BHD PT 1257-A, JALAN GUCHIL BAYAM, TELOK BARU, 15200 KOTA BHARU, KELANTAN										
<table border="1"> <tr><td colspan="9">[Barcode]</td></tr> </table>		[Barcode]									CATATAN 1) NO. PENDAFTARAN KESELAMATAN SOSIAL ADALAH NOMBOR KAD PENGENALAN PENDAFTARAN NEGERA. 2) Tandakan X di ruangan (2) jika pekerja telah berhenti kerja dan masukkan tarikh berhenti kerja di ruangan (3). 3) Isikan tarikh mula kerja untuk pekerja yang tidak tersenarai sahaja di ruangan (3). Pendaftaran pekerja sedemikian hendaklah juga dibuat dalam borang 2. 4) Jika tiada caruman sebab cuti tanpa gaji masukkan angka 00.00 di ruangan (6). 5) Jika ada butir-butir yang didapati tidak betul, jangan buat pindaan di borang ini, sila beritahu PERKESO secara bertulis. 6) Sila pastikan tulisan/angka/cap tidak menyentuh mana-mana garisan/kotak/barcode yang disediakan. 7) Format untuk tkh. mula/tkh. berhenti kerja adalah hhbtttt contoh 01072000.	
[Barcode]												

NO. KAD PENGENALAN PENDAFTARAN NEGERA Lihat Catatan (1)	(2)	TKH. MULA/TKH. BERHENTI KERJA hhbtttt (3)	KEGUNAAN PERKESO (4)	NAMA PEKERJA (MENGIKUT KAD PENGENALAN) (5)	CARUMAN (6)	
					RM	SEN
			MABK	ABDULLAH BIN KASIM	16	90
			FMFBP	MOHD FARIK BIN PA'ADEK	32	60
			VMRBA	MOHD ROSLI BIN AHMAD	21	40
			ZMYBY	MOHD YUSLIZA BINTI YUSOF	21	40
			ZNABA	NOR AZUAN BIN ABDULLAH	32	60

Jumlah muka surat ini

1	2	4	9	0
---	---	---	---	---

PERHATIAN:

Sila fotostat Borang 8A untuk rekod tuan.

Untuk mendapatkan khidmat penerangan PERKESO, sila mohon di alamat e-mel berikut:

perkeso@perkeso.gov.my.

* JUMLAH BESAR

RM

		1	2	4	9	0
--	--	---	---	---	---	---

Tandatangan:

Nama Pemilik:

No. Tel & Cap Majikan:



PERKESO

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

JADUAL CARUMAN BULANAN

UNTUK CARUMAN BULAN 58 2009

Jumlah caruman untuk bulan di atas hendaklah dibayar tidak lewat daripada

Bayaran Tunai. Amaun Bilangan Pekerja Pembayaran

Bayaran cek. No. cek RMI

No. Kod Majikan

A 9 1 1 3 4 1 7 4

Cop Bank

Nama dan Alamat Majikan

CATATAN

- 1) NO. PENDAFTARAN KESELAMATAN SOSIAL ADALAH NOMBOR KAD PENGENALAN PENDAFTARAN NEGARA
- 2) Tandakan X di ruangan (2) jika pekerja telah berhenti kerja dan masukkan tarikh berhenti kerja di ruangan (3)
- 3) Isikan tarikh mula kerja untuk pekerja yang tidak tersenarai sahaja di ruangan (3). Pendaftaran pekerja sedemikian hendaklah juga dibuat dalam Borang 2
- 4) Jika tiada caruman sebab cuti tanpa gaji, masukkan angka 00.00 di ruangan (6)
- 5) Jika ada butir-butir yang didapati tidak betul jangan buat pindaan di borang ini, sila beritahu PERKESO secara bertulis
- 6) Sila pastikan tulisan/angka / cap tidak menyentun mana-mana garisan / kotak / barcode yang disediakan
- 7) Format untuk tkh. mula / tkh. berhenti kerja adalah hhhbtuuu contoh 01072006

NO. KAD PENGENALAN PENDAFTARAN NEGARA Lihat Catatan (1)	(2)	TKH. MULA/TKH. BERHENTI KERJA hhbbtttt (3)	KEGUNAAN PERKESO (4)	NAMA PEKERJA (MENGIKUT KAD PENGENALAN) (5)	CARUMAN	
					RMI	SEN
		30-03-09		MOR AZUAN BIN ABUULLAH	3	0
		30-03-09		MCHD FARIK BIN DA'ANEK	4	3
		30-03-09		ABUULLAH BIN KASIM	1	2
		30-03-09		MCHD YUSLIRA BIN YUSOFF	2	1
		30-03-09		MCHD ROSLI BIN AHMAD	0	0
		30-03-09		SHAFIE B. RAJAB	7	6
		30-03-09		AWANG BIN TALIB	3	1
		30-03-09		CHE ABUULLAH B CHE MERIS	1	0
		30-03-09		BADRUL HISHAM B. ROHMAN	1	0
		30-03-09		MCHD AZHAR BIN SA'AD	0	0
		30-03-09		TUAN KARILA BI TUAN ABUULLAH		

Jumlah muka surat ini

*JUMLAH BESAR RM

Tandatangan
 Nama Pendaftar D. S. MARYONA BI ABUULLAH
 No. Tel & Cop Majikan



PERKESO

BORANG 2
BORANG PENDAFTARAN PEKERJA

PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1971
(Peraturan 10, 12(4) dan 12A)

NOMBOR KOD MAJIKAN

F 9 1 1 3 4 1 7 W

Sila gunakan HURUF BESAR, Dakwat Hitam sahaja dan rujuk catatan di belakang Borang ini.
Di bawah ini saya berikan nama dan butir-butir pekerja perusahaan ini sebagaimana dalam seksyen 2(5) Akta.

Nombor Kad Pengenalan Baru (Sila nyatakan No. Kad Pengenalan Lama, jika ada) (1)	Nama Pekerja (Seperti dalam Kad Pengenalan) (2)	Tarikh Lahir (3)			Jantina (4)	Keturunan (5)	Tarikh Mula Bekerja (6)			Pekerjaan (7)	Bagi Kegunaan PERKESO (8)	
		H	B	T			H	B	T			
	NOR AZUAN BIN	1	8	09	L	MELAYU	3	0	03	09	Pengurus	
	ABDULLAH											
	MOHDFARIK BIN	1	3	05	L	MELAYU	3	0	03	09	Pengusaha	
	PAADEK											
	ABDULLAH BIN	3	1	10	L	MELAYU	3	0	03	09	Buruh	
	KASIM											
	MOHDYUSLIZA	1	0	04	L	MELAYU	3	0	03	09	Tubuh	
	8INYUSOFF											
	MOHOROSLI BIN	2	0	09	L	MELAYU	3	0	03	09	Tubuh	
	AHMAD											
Lama												
Lama												
Lama												
Lama												

Saya mengaku bahawa tiada seorang pun pekerja perusahaan ini sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2(5) Akta telah tertinggal daripada senarai di atas.

Tarikh: 30/3/09

Nama Perusahaan: PERMATA TIMUR RESOURCES

SDN BHD

Tandatangan: (Pemunya/Pekongsi Urusan/Pengarah Urusan/Wakil Yang Diberikuasakan)

Nama: MYSA BTM MOHA NOOR (HURUF BESAR)

Nombor Telefon (Pejabat):

Cop Rasmi Perusahaan



PERKESO

BORANG 2
BORANG PENDAFTARAN PEKERJA

PERATURAN-PERATURAN (AKA) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1971
(Peraturan 6, 12(4) dan 12A)

KOD SSM :

NOMOR KOD MAJIKAN

F 9 1 1 3 4 1 7 W

Sila gunakan HURUF BESAR, Dakwat Hitam sahaja dan rujuk catatan di belakang Borang ini.
Di bawah ini saya berikan nama dan butir-butir pekerja perusahaan ini sebagaimana dalam seksyen 2(5) Akta.

Nombor Kad Pengenalan Baru (Sila nyatakan No. Kad Pengenalan Lama, jika ada) (1)	Nama Pekerja (Seperti dalam Kad Pengenalan) (2)	Tarikh Lahir (3)			Jantina (4)	Keluruan (5)	Tarikh Mula Bekerja (6)			Pekerjaan (7)	Bagi Kegunaan PERKESO (8)	
		H	B	T			H	B	T			
	NOR AZUAN BIN	1	8	09	L	MELAYU	3	0	03	09	Pengurus	
	ABOYLAH BIN	1	3	05	L	MELAYU	3	0	03	09	Pengusaha	
	MOHDFARIK BIN	3	1	10	L	MELAYU	3	0	03	09	Buruh	
	PADADEK BIN	1	0	04	L	MELAYU	3	0	03	09	Tukang	
	ABOYLAH BIN	2	0	09	L	MELAYU	3	0	03	09	Tukang	
	KASIM											
	MOHDYUSLIZA											
	BINYUSOFF											
	MOHOROZLI BIN											
Lama	AHMAD											
Lama												
Lama												
Lama												

Saya menjaku bahawa tiada seorang pun pekerja perusahaan ini sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2(5) Akta telah tertinggal daripada senarai di atas.

Tarikh: 30/3/09
Nama Perusahaan: PERMATA TIMUR RESOURCES

Tandatangan:
(Pemunya/Pekongsi Urusan/Pengarah Urusan/Wakil Yang Diberikuasa)

Nama: MYSA BTN MOHD NOOR
(HURUF BESAR)

Nombor Telefon (Pejabat):

Cop Rasmi Perusahaan:

AKTA KILANG DAN JENTERA, 1967

Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan)
Kilang dan Jentera, 1970

Peraturan 4

PEMBERITAHU berkenaan BINAAN-BINAAN BANGUNAN dan KERJA-KERJA BINA KEJURUTERAAN menurut kehendak Seksyen 35 (1) Akta tersebut.

Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini, dengan ini memberitahu bahawa saya/kami telah mulai binaan-binaan bangunan/kerja-kerja bina kejuruteraan, dan butir-butir adalah seperti berikut :

Sila ambil perhatian : **BORANG INI DIBERI DENGAN PERCUMA**

<p>A. 1. Nama pembina :</p> <p>2. Alamat Pos :</p>	<p>• <u>Binaan-binaan Bangunan</u> Kerjabina Kejuruteraan</p> <p>PERMATA TIMUR RESOURCES SON BHD PT 1257-A JALAN GUCHIL BAYAM, TELOK BHARU, 15200 KOTA BHARU, KELANTAN</p>			
<p>B. <u>Butir-butir pekerjaan</u></p> <p>1. Jenis binaan (beri butir-butir lengkap misalnya kerjabina jambatan, rancang-usaha perumahan dll.)</p>	<p>CADANGAN PENEMPATAN SEMULA NELAYAN DI TOK BALI, PASIR PUTEH, KELANTAN</p>			
<p>2. Bilangan pekerja ditapakbina</p>	<p>LELAKI</p>	<p>PEREMPUAN</p>		
<p>16 tahun dan lebih</p>	<p>Kurang 16 tahun</p>	<p>16 tahun dan lebih</p>	<p>Kurang 16 tahun</p>	
<p>3. <u>Pekerjaan dijalankan untuk</u></p> <p>Nama :</p>	<p>12</p> <p>LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) KUALA LUMPUR</p>			
<p>Alamat Pos :</p>	<p>TINGKAT 3, MENARA OLYMPIA, NO. 8, JALAN RAJA CHULAN, PETI SURAT 12630, 50200 KUALA LUMPUR</p>			
<p>4. Kedudukan/tapak kerja (Pelan lakar menunjukkan kedudukan kilang itu dengan jalan raya yang berdekatan sekali dan sebutkan bilangan batu daripada bandar yang berdekatan dan tanda-tanda lain jika ada).</p>	<p>LAMPIRAN A</p>			

<p>5. <u>Butir-butir mengenai kontrék kecil jika ada</u></p> <p>a. Nama dan alamat pos</p> <p>b. Nama dan alamat pos</p> <p>c. Nama dan alamat pos</p>	
<p>6. <u>Nama Akitek dan perunding-perunding berkaitan dengan rancangusaha-rancangusaha</u></p> <p>a. Nama dan alamat pos</p> <p>b. Nama dan alamat pos</p>	<p>REKAJATI ARKITEK, 460-C, JALAN SULTAN YAHYA PETRA, LUNDANG, 15200 KOTA BHARU, KELANTAN TEL: FAX: 09-744-0007</p> <p>PERUNDING PROJEK BINA- LOT 2548, LEVEL 2, JALAN MERAK, TAMAN GURU, PINTU CENG 151500 KOTA BHARU 09-7422044 FAX: 09-7472244</p>

7. Senarai jentera-jentera pembina termasuklah dandang setim, pengandung tekanan tak berapi, injin pembakaran dalam, mesin angkat, berserta dengan butir-butir lengkap dalam borang di bawah :-

Bil	Keterangan Jentera Atau Pemasangan	Jenis Buatan	Tahun Dibuat	Kuasa Kuda/ Permukaan Memanas Isian Padu	No. Pendaftaran Semasa Jabatan Kejenteraan	Tarikh Habis Tempuh Perakuan Kelayakan Semasa	Lain-lain Hal
1	2	3	4	5	6	7	8
1.	BACKHOE	BACKHOE LOADER	2001	783.9	-	-	-
2.							

Ruang 2 – Sebutkan sama ada dandang setim, pengandung tekanan tak berapi, injin pembakaran dalam, atau perihal jentera atau Mesin angkat.

Ruang 5 – Permukaan memanas, hendaklah diberi dalam kaki persegi, isian padu, hendaklah diberi kaki padu

Ruang 6 – Tiada, jika tidak didaftar.

(J.K.J. 103 (ii)
Sambungan

3. Tarikh jentera mula dijalankan

Saya dengan ini mengaku bahawa pada pengetahuan dan kepercayaan saya, semua butir yang diberikan dalam pemberitahu ini adalah benar dan jentera yang digunakan menurut semua kehendak Peruntukan-Peruntukan Akta tersebut dan peraturan-peraturan yang berkaitan yang dibuat dibawahnya.

14/4/2010

Tarikh:.....

.....
Tandatangan pembina

Catatan: Tidak dipakai terhadap binaan - binaan bangunan dan kerja - kerja bina kejuruteraan yang tidak menggunakan jentera dan pembina ada sebab mempercayai bahawa kerja itu akan selesai dalam tempuh kurang daripada 6 minggu

**BUTIR-BUTIR BERKENAAN ORANG-ORANG
BERTANGGUNGJAWAB (DESIGNATED PERSONS)**

Sebagai yang diperuntukkan dibawah kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan (Operasi Bangunan & Kerja-Kerja Kejuruteraan) (Keselamatan) Kilang dan Jentera 1986 untuk aktiviti-aktiviti yang disenaraikan dibawah.

Peraturan-Peraturan	Aktiviti-Aktiviti Kerja	Nama Orang Yang Bertanggungjawab	No. Kad Pengenalan	Jawata
18 (1)	Public Vehicular Traffic			
29(1), (2), (3)	Concrete, Form Works, Shores, Braces, Reshores and Oher Support	ZAFRI BIN JUSOFI	770228-03- SBSI	PENYELIA
54(1)	Safety Belts	-		
57(1)	Safety Nets	-		
74(1), (2)	Scaffolds	-		
103	Demoliton Works	-		
113(2)	Excavation Works	MATI LAZIM BIN MULIAMED	651002-03- 54205	PENYELIA JENTERA
127	Piling Driving Equipments	-		
133(1)	Pile Testing	-		
135	Handling of Explosives	-		

BORANG JKJ 103

Lampiran 1

BUTIRAN YANG DIKEHENDAKI DIKEMUKAKAN SEMASA MEMBUAT PERMOHONAN
MENDAFTAR TAPAK KERJA BINAAN (JKJ 103)

nama projek:

nama bukaan:

- 1. Borang JKJ 103 (satu salinan) (/)
- 2. Peta/Jadual Kerja Binaan yang dirancang dan dijalankan (/)
- 3. Peta Lokasi tapak kerja binaan (/)
- 4. Peta kedudukan jentera-jentera yang dipasang, pejabat, 'rebar yard',
'carpentry yard', rumah kongsi, loji konkrit dan sebagainya
(site utilization layout) ()
- 5. Dasar Keselamatan dan Kesihatan (Safety & Health Policy) ()
- 6. 'Safety Manual' yang disediakan ()
- 7. Carta organisasi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan ()
- 8. Bulir-bulir lengkap untuk Orang Yang Bertanggungjawab
(Designated Persons) . Sila lihat Lampiran 2 ()
- 9. Tarikh Projek dijangka siap
(Mula: 23/02/2016 Jangka siap: 23/08/2011) ()
- 10. Nama dan Telefon Pengurus Projek ()
- Lain-lain perkara: ()

Letter of Award:
(Sumat Tawaran Kontrak)



Lembaga Pembangunan
Industri Pembinaan Malaysia

CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD MALAYSIA

Pejabat CIDB Negeri Kelantan, No. U7/2, Tingkat 7, Menara Perbadanan
Jalan Tengku Petra Semarak, 15900 Kota Bharu, Kelantan

Tel

http://www.cidb.gov.my

Rujukan Kami : LPIPM/KN/UPT/005()
Tarikh : 4 Mac 2010

KEPADA PARA KONTRAKTOR YANG DIHARGAI

**JEMPUTAN SEMINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PERKERJAAN DAN
ALAM SEKITAR (HSE) TAHUN 2010**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa CIDB Negeri Kelantan menjemput tuan untuk menyertai seminar **Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan dan Alam Sekitar (HSE) Tahun 2010**. Seminar ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perkerjaan dan alam sekitar yang selamat dan kondusif.

3. Sehubungan itu, tuan dijemput untuk menyertai seminar tersebut pada tarikh dan tempat seperti berikut :-

Tarikh : 6 April 2010 (Selasa)
Masa : 8:15 pagi – 12.30 tengahari
Tempat : Hotel Grand Riverview, Kota Bharu

4. Bersama-sama ini disertakan maklumat tentang **Pengenalan Seminar, Aturcara Program dan Borang Penyertaan** untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. **Seminar ini akan dianugerahkan nilai mata CCD sebanyak 4 mata yang mana ianya merupakan sebahagian daripada keperluan untuk memperbaharui perakuan pendaftaran yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2010 yang lalu.** Penyertaan seminar ini adalah terhad dan penyertaan akan dipilih berdasarkan permohonan yang telah menjelaskan bayaran seminar ini. Sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Nik Nasrom Faisal B. Nik Mohd Fakaruddin / En. Zaimi B. Nordin, CIDB Negeri Kelantan di talian
Tarikh tutup permohonan adalah sebelum 28 Mac 2010. Kerjasama dan kehadiran tuan amatlah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BINA SEMPIRNA"

(JASMI BIN MOHD SALLEN)
Pengarah Negeri
CIDB Negeri Kelantan

SEMINAR KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR DALAM INDUSTRI PEMBINAAN 2010

PENGEMALAN SEMINAR

Industri pembinaan merupakan suatu industri yang amat penting dalam menggerakkan pembangunan di Malaysia dan seterusnya menjaga perkembangan ekonomi di negara ini. Namun, kes-kes kemalangan dan pencemaran alam sekitar yang berlaku sejak kebelakangan ini, kebanyakannya disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang tidak terkawal, telah menjadi satu isu yang penting di mana ia melibatkan seluruh masyarakat yang berada di sekitarnya.

Amalan baik dalam pengurusan mengenai Kesihatan & Keselamatan, dan Alam Sekitar (HSE) yang lebih efisien dapat membantu semua pihak yang terlibat dengan aktiviti pembinaan, terutamanya pihak kontraktor supaya bersedia untuk menangani isu dan permasalahan ini.

Justeru itu, seminar ini diadakan bagi menyediakan platform untuk kontraktor dan agensi-agensi yang berkaitan untuk berkongsi pengetahuan, maklumat, kemahiran dan pengalaman mengenai cara-cara mengimbangi kepentingan pengurusan kesihatan & keselamatan dan alam sekitar dengan pembangunan infrastruktur negara demi kepentingan sejagat di masa depan.

OBJEKTIF

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk :

- i) Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan sistem pengurusan pengurusan keselamatan, kesihatan pekerjaan dan alam sekitar dalam industri pembinaan.
- ii) Memperkenalkan dan mempromosikan amalan baik dalam pengurusan keselamatan, kesihatan pekerjaan dan alam sekitar dalam industri pembinaan Malaysia
- iii) Mengalakkan pemain-pemain industri mengamalkan amalan-amalan baik pengurusan keselamatan, kesihatan pekerjaan dan alam sekitar di tapak bina
- iv) Menjalinakan hubungan kerjasama dikalangan kontraktor

PENGLIBATAN

Agensi agensi Kawal selia, Pihak Berkuasa Tempatan, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Kontraktor Damai, Turun-turun, dan Data Profesional / Pihak-pihak yang berkaitan

BAYARAN PENYERTAAN

-RM 50.00 bagi pemegang Kad Hijau.
-RM 80.00 bagi bukan pemegang Kad Hijau.
(Bayaran adalah melalui Tunai atau Wang Pos atau Deraf Bank sahaja atas nama "Lebuha Pembinaan Industri Perumahan Malaysia")

Program Tentatif SEMINAR KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

8.15 pagi	Pendaftaran
8.45 pagi	Taklimat Keselamatan (Hotel)
8.50 pagi	Negaraku/ Doa
9.00 pagi	Ucapan perasmian oleh Pengarah Negeri CIDB
9.30 pagi	Safety and Health Assessment System in Construction (SHASSIC) CIDB
10.00 pagi	Minum Pagi
10.30 pagi	Waste Management Alam Flora Sdn. Bhd.
11.00 pagi	Good Environmental Management at Site -- Contractor's Experience Tanjung Mahsuri Sdn. Bhd.
11.30 pagi	Good Occupational Safety and Health Management at Site -- Contractor's Experience Bina Goodyear Bhd.
12.00 tgh	Sesi Soal Jawab / Moderator : Pengarah Negeri
12.30 tgh	Makan Tengahari/ Bersurai

BORANG PENYERTAAN

Kepada
Pengarah CIDB Negeri Kelantan
No. U7.2, Tkt. 7
Menara Perbadanan
Jalan Tg Perta Semerak
15000 Kota Bharu
Kelantan
(u.p.) En. Nik Nasrom Faisal B. Nik Mohd Fakaruddin/
En. Zaimi B. Nordin

Tel:

Tuan,

SEMINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PERKERJAAN DAN ALAM SEKITAR (HSE) TAHUN 2010

Dengan hormatnya surat tuan bertarikh 4 Mac 2010, no. ruj. LPIPM/KN/UPT/005() adalah berkaitan.

2. Berikut adalah maklumat penyertaan:

BIL	NAMA PESERTA	JAWATAN

Di sini disertakan wang tunai/wang pos/bank deraf no.
berjumlah RM atas nama "Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia".

Pegawai Yang Boleh Dihubungi :

Nama Organisasi :

No. Tel : No. Fax:

Email :

Sekian, terima kasih.

.....
(Tandatangan/ Cop Syarikat)

.....
Tarikh

*Yuran penyertaan : RM 50.00 bagi pemegang Kad Hijau
RM 80.00 bagi bukan pemegang Kad Hijau

* Penyertaan adalah berdasarkan kepada permohonan yang diterima oleh pihak kami. Sila buat permohonan **sebelum 28 Mac 2010 (Ahad)** bagi mengelakkan masalah tempat duduk. Tempat duduk adalah terhad.